



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 2

RABU 14 JANUARI, 1987.

رابعو 13 جمادي الاول 1407

PERCUMA

Memandu tanpa lesen boleh dihukum

BERAKAS. — Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz menegaskan, pemandu-pemandu yang memandu kenderaan tanpa mempunyai lesen yang sebenar adalah bersalah dan boleh dihukum di bawah undang-undang dan peraturan jalan raya.

Yang Berhormat Pehin berkata, pihak yang berwajib akan terus menjalankan tugas-tugas mereka bagi memastikan mereka yang kurang bertanggungjawab seperti itu akan menerima hukuman yang seimbang di bawah undang-undang berkenaan.

Berucap di upacara perasmian Mesyuarat Majlis Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam di Pusat Dakwah di sini Khamis lepas menjelaskan, "pihak berkenaan juga akan terus menjalankan usaha pada mempertingkatkan lagi tahap kenderaan di negara ini."

Majlis Keselamatan Jalan Raya ditubuhkan dalam tahun 1974. Permesyuaratan tahun ini merupakan kali pertama sejak negara ini mencapai kemerdekaan. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut termasuklah membincangkan

Oleh: Ahat Haji Ismail

rancangan dan aktiviti sepanjang tahun ini.

Menurut laporan pihak polis sejumlah 2,468 kemalangan berlaku tahun lalu. Kemalangan-kemalangan itu diperjeniskan di bawah beberapa kategori yang termasuklah beberapa kematian dan kecederaan berat.

Lihat muka 20



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam ketika bersalam-salaman dengan Tuan Yang Terutama Ketua Marshall Udara, Siddhi Savetsila, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Thai di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas.

Menteri Luar Thailand lawat ke sini

Oleh: Aisah Piee

BERAKAS. — Tuan Yang Terutama Ketua Marshall Udara, Siddhi Savetsila, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Thai dan rombongan, berlepas pulang tengah hari ini setelah mengadakan lawatan rasmi empat hari ke negara ini.

Tuan Yang Terutama dan rombongan tiba di negara ini pada petang Ahad, 11 Januari lepas. Dalam lawatan rasmi selama empat hari itu, Tuan Yang Terutama Siddhi Savetsila, antara lain telah mendengar taklimat mengenai Rancangan Kemanusiaan Negara Lima Tahun dan menghadiri Majlis Santap yang diadakan di Dewan Persantapan Lapau di ibu negara.

Tuan Yang Terutama juga mengadakan kunjungan muhibah kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam di Ambar Kasturi. Sementara itu isteri beliau, Puan Khunying Thida Savetsila mengadakan kunjungan muhibah kepada Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah juga berlangsung di Ambar Kasturi.

Berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa bagi mengalu-alukan ketibaan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Thai ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam. Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah.

Kesan kejatuhan harga minyak dunia:

Pendapatan K'jaan turut menurun

MANISNYA IMAN

"DAN hendaklah engkau luruskan tujuan kepada agama yang benar dan janganlah engkau menjadi sebahagian dari orang-orang yang mempersekutukan Allah." — Makna ayat 105 Surah Yunus.

PETIKAN TITAH

“Dalam menjalankan tugas masing-masing, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan tuai-tuai rumah, selaku wakil Kerajaan Beta di kawasan yang mereka ketuai, hendaklah sentiasa memata-matai dan mengambil berat akan keadaan kampung-kampung dan anak-anak kampung mereka, dan sentiasa bermuafakat pada mengadakan mesyuarat bermuzakarah dengan anak-anak buah mereka bagi menyelesaikan apa jua masalah yang mungkin timbul di dalam kampung masing-masing.”

Dititahkan semasa Majlis Kesyukuran pada 6 September, 1983, sempena Hari Keputeraan Baginda kali ke-37 tahun.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Awang Chua Pheng Siong menjelaskan, kejatuhan harga minyak dunia tiga bulan pertama tahun lalu, memberikan kesan menurunnya pendapatan Kerajaan.

Berucap semasa memberikan taklimat kepada Tuan Yang Terutama Ketua Marshall Udara Tuan Siddhi Savetsila, Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri Thailand dan rombongan di Kementerian Kewangan, Isnin lepas berkata, memandangkan keadaan yang tidak menentu itu, harga minyak dunia dan dasar penjimatan tenaga negara akan terus menjejaskan pertukaran wang asing negara ini.

Menurutnya, sebahagian besar ekonomi Negara Brunei Darussalam bergantung kepada sektor minyak dan gas dan pendapatan eksport negara sejak enam tahun lalu hingga tahun lepas menurun.

"Ekonomi Negara Brunei Darussalam sebahagian besarnya bergantung kepada sektor

minyak dan gas yang menyumbangkan 60 peratus pendapatan negara dan merupakan 99 peratus jumlah eksport negara ini," terangnya.

Menyentuh mengenai Rancangan Kemanusiaan Negara Ke-5, beliau memberitahu

ianya dihasratkan untuk menyediakan berbagai-bagai perkhidmatan dan kemudahan bagi kesempurnaan hidup seluruh rakyat serta penduduk negara ini di samping mengukuhkan lagi kemajuan ekonomi dan sosial negara.

Lawatan ke tiga buah negara

BERAKAS. — Serombongan empat orang ahli Jawatankuasa Penyalahgunaan Dadah Negara Brunei Darussalam telah mengadakan lawatan ke tiga buah negara ASEAN minggu lalu. Negara-negara tersebut ialah Thailand, Malaysia dan Singapura.

Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran, Awang Haji Abd. Razak bin

Haji Muhammad yang juga selaku pengerusi jawatankuasa tersebut telah mengetuai rombongan itu.

Turut serta dalam rombongan ialah, Pengarah Penjara, Awang Abd. Wahab bin Haji Mohd. Said; Pemangku Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad dan Ketua Unit Anti Dadah, Datin Masni binti Haji Ali.

GUNAKAN METRIK UNTUK KEMUDAHAN



Pelita Brunei

14 JANUARI, 1987

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

KESELAMATAN DI JALAN RAYA

SEPANJANG tahun lalu lebih dua ribu empat ratus kemalangan telah berlaku. Ini hanyalah kemalangan-kemalangan yang dilaporkan, mungkin banyak lagi yang tidak dicatatkan. Sebilangan daripada kemalangan tersebut berakhir dengan korban jiwa. Permasalahannya apakah kemalangan-kemalangan tersebut dapat diatasi dan dapatkah kematian di jalan raya dielakkan. Memanglah tidak dinafikan takdir yang menentukan segalanya.

Tetapi kita juga dikehendaki berusaha untuk mengatasi masalah ini.

Jika diteliti memang banyak perkara yang melibatkan kemalangan di jalan raya. Antaranya ialah jumlah kereta yang semakin bertambah yang mana menambahkan pula kadar kemungkinan berlakunya kemalangan. Keadaan jalan raya juga boleh dijadikan sebagai salah satu sebab. Tetapi yang lebih nyata ialah sebab-sebab kemalangan tersebut berlaku adalah berpunca daripada diri kita sendiri sebagai pengguna jalan raya sama ada sebagai pemandu, penumpang mahupun sebagai pejalan kaki.

Kerajaan telah pun menjalankan berbagai usaha bagi menjamin keselamatan di jalan raya umpamanya seperti mengenakan ujian-ujian pemandu, ujian ke atas kenderaan sebelum ianya boleh digunakan di jalan raya, memperbaiki keadaan jalan raya, membina jalan-jalan raya yang lebih baik dan mengadakan undang-undang yang mengawal penggunaan jalan raya serta memastikan bahawa undang-undang tersebut dipatuhi bagi menjamin keselamatan pengguna-pengguna jalan raya. Tetapi keseluruhan juga adalah berbentuk preventif atau pencegahan. Bagaimana pula dengan langkah pengelakan.

Sebahagian besar daripada pengelakan bergantung kepada pengguna-pengguna sendiri. Kebanyakan kemalangan adalah berpunca

daripada kecuai atau kelalai dan hanya pengguna sendiri yang dapat mengatasi perkara ini. Antara perkara-perkara yang mungkin dapat membantu mengatasinya ialah sikap bertanggung rasa di jalan raya yang tidak hanya terhad kepada simpang-simpang jalan raya semata-mata. Ada banyak cara lain yang boleh dilaksanakan. Umpamanya dengan mengelakkan kemarahan pengguna-pengguna jalan raya lainnya seperti memandu di lorong kiri jika memandu dengan perlahan di jalan raya empat lorong. Biasanya pemandu yang bergerak laju akan merasa kurang senang jika ada kereta-kereta yang terlalu perlahan yang menggunakan lorong sebelah kanan. Kemarahan ini boleh menyebabkan pemandu berkenaan memecut keretanya dan dengan itu membahayakan bukan saja dirinya sendiri tetapi juga kenderaan-kenderaan lain.

Tidak mematuhi undang-undang jalan raya juga adalah sebahagian daripada punca kemalangan. Kita hanya perlu berdiri seketika saja di simpang empat yang ada terpasang lampu-lampu isyarat, sudah cukup untuk menyaksikan telatah pemandu-pemandu yang 'melanggar' isyarat lampu merah. 'Keberanian' memotong kereta di simpang-simpang jalan, selekoh-selekoh dan bukit umpamanya boleh menyebabkan pemandu berkenaan membahayakan pemandu lain yang mungkin datang

dari arah hadapan. Kadangkala dalam usaha untuk mengelakkan pertembungan tersebut pemandu-pemandu dari arah hadapan yang mempunyai hak laluan terpaksa menepi dan mungkin menghadapi bahaya. Ibu bapa juga boleh memainkan peranan dalam hal keselamatan jalan raya. Antaranya ialah dengan memastikan bahawa anak-anak mereka tidak akan dibenarkan memandu kereta sebelum lulus ujian pemandu. Perkara ini memang banyak terjadi dan apa yang lebih mengecewakan ialah ada setengahnya anak-anak muda yang tidak berlesen telah memandu dengan pengetahuan ibu bapa.

Kesedaran terhadap keselamatan di jalan raya ini haruslah diberikan perhatian berat oleh setiap pihak. Janganlah dijadikan kenderaan masing-masing sebagai sebuah keranda bergerak atau alat bagi kecekalaan diri kita. Biasanya kesedaran seperti ini hanya timbul setelah berlaku sesuatu yang tidak diinginkan dan ianya didesak pula oleh rasa kesal yang kadangkala tidak berkesudahan. Tetapi rasa kesal semata-mata tidaklah akan dapat mengembalikan nyawa yang sudah terkorban atau menyembuhkan kepincangan. Kita haruslah ingat sudah seringkali disebut bahawa malang itu tidak berbau tetapi apa yang nyata kemalangan dapat dielakkan jika semua pihak bertanggungjawab dan berdisiplin di jalan raya.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz ketika merasmikan mesyuarat pertama Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor baru-baru ini. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

GADONG. — Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz berharap kepada ahli-ahli Jawatankuasa Lembaga Melesen Kenderaan-kenderaan Bermotor supaya memberikan idea-idea baru secukupnya dengan keadaan sekarang ke arah kesempurnaan sistem pengangkutan jalan raya di negara ini.

Yang Berhormat berkata, walaupun di masa-masa yang lalu tugas-tugas tersebut telah dijalankan dengan sempurna dan baik, tetapi dengan adanya pemikiran yang baru dari ahli-ahli sedikit sebanyak akan dapat menjayakan ke tahap imej Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz berkata demikian ketika merasmikan mesyuarat pertama Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor yang berlangsung di Jabatan Pengangkutan Darat di sini pada 7 Januari lepas.

Kesempurnaan sistem pengangkutan jalan raya perlu idea baru

Oleh Zubaidah Haji Salat

Selain dari itu, Yang Berhormat juga berharap ahli-ahli jawatankuasa akan dapat menimbangkan beberapa jenis permohonan, dengan pemikiran-pemikiran baru bagi mengatasi masalah-masalah sistem pengangkutan awam yang ada pada masa ini.

Walaupun kita menyedari dengan keadaan penduduk yang begitu kecil mungkin agak susah untuk mengadakan projek pengangkutan awam, tegas Yang Berhormat, tetapi

dengan kedudukan dan keupayaan kita, dan dengan buah fikiran dari ahli-ahli Lembaga Melesen, sistem pengangkutan di negara ini akan dapat dinikmati secara maksima oleh ahli-ahli perniagaan, secukupnya dengan peraturan-peraturan dan seimbang dengan aspirasi pembangunan negara.

Yang Berhormat, Menteri Perhubungan seterusnya menyentuh berhubung dengan permohonan orang ramai yang belum mendapat jawapan sekian lama, agar dapat diatasi oleh ahli-ahli Lembaga Melesen dengan membuat satu program jadual bagi menentukan tiap-tiap permohonan akan mendapat jawapan yang segera.

Seramai 10 orang ahli-ahli Jawatankuasa Lembaga Melesen Kenderaan Bermotor telah dilantik, yang mana lima daripadanya adalah ahli-ahli yang terdiri dari pegawai-pegawai kanan kerajaan yang dilantik secara rasmi. Sementara 5 orang ahli tidak rasmi, yang terdiri dari orang-orang awam dan sektor swasta.

Hadir sama di majlis mesyuarat itu ialah

Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah.

PELITA BRUNEI keluaran 31 Ogos 1966 mencatatkan tentang pembukaan rasmi Masjid Hassanah Bolkiah. Tutong yang telah diadakan pada 26 Ogos 1966.

Pembukaan rasmi masjid berkenaan telah dirasmikan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanah Bolkiah (kini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Wadudaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam).

Masjid tersebut dibina dengan menelan belanja hampir \$700,000 dan ianya boleh menampung 700 orang jemaah.

Antara kemudahan-kemudahan yang disediakan di masjid berkenaan ter-

90 peratus anak tempatan diberi permit kendalikan industri pengangkutan

GADONG. — Pengawal Pengangkutan Darat, Awang Haji Mohd. Kassim bin Haji Johan berkata bahawa sejumlah 90 peratus anak-anak tempatan telah diberikan permit-permit bagi mengendalikan industri pengangkutan di negara ini.

Industri pengangkutan itu, katanya, termasuklah perusahaan pengangkutan batu, pasir, tanah, simen dan lain-lain yang berhubungkait dengan pembangunan negara.

Mengumumkan demikian ketika memberikan ucapan aluan di majlis mesyuarat pertama Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor yang telah berlangsung di Jabatan Pengangkutan Darat di sini pada 7 Januari lalu, Awang Haji Mohd. Kassim seterusnya menegaskan bahawa jika kita tinjau daripada peratus itu hasrat kerajaan untuk memberikan peluang kepada anak-anak tempatan berkecimpung dan meneroka bidang industri tersebut sudahpun tercapai.

Awang Haji Mohd. Kassim juga menyentuh mengenai perangkaan kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam yang kini berjumlah kira-kira 1,437 buah.

Jumlah itu, menurut beliau adalah termasuk pengangkutan teksi, kereta-kereta sewa, bas, kenderaan-kenderaan yang dimiliki oleh syarikat-syarikat dan orang-orang perseorangan seperti trak, pick up, van dan lain-lain lagi.

Toleh pandang Pelita Brunei

PELITA BRUNEI keluaran 31 Ogos 1966 mencatatkan tentang pembukaan rasmi Masjid Hassanah Bolkiah. Tutong yang telah diadakan pada 26 Ogos 1966.

Pembukaan rasmi masjid berkenaan telah dirasmikan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanah Bolkiah (kini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Wadudaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam).

Masjid tersebut dibina dengan menelan belanja hampir \$700,000 dan ianya boleh menampung 700 orang jemaah.

Antara kemudahan-kemudahan yang disediakan di masjid berkenaan ter-

masuklah bilik perpustakaan, bilik imam dan bilik tempat mengambil air sembahyang. Selain daripada itu sebuah dewan juga disediakan yang

khusus bagi mengadakan acara-acara yang bercorak keagamaan seperti peraduan membaca Al-Quran, majlis bertadris dan sebagainya.

Brunei Darussalam dalam kenangan

NEGARA Brunei Darussalam telah menghantar perwakilan bagi persidangan Suruhanjaya Ekonomi untuk Kawasan Asia dan Asia Timur Jauh, (ECAFE), yang diadakan di Tehran, Iran pada 7 September 1964.

Perwakilan Negara Brunei Darussalam di persidangan ECAFE itu diketuai oleh Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd.

Yusof bin Pg. Haji Abdul Rahim (sekarang dikenali sebagai Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof), iaitu Setiausaha Kerajaan Brunei pada masa itu. Penyertaan negara kita di persidangan itu merupakan julung-julung kalinya diwakili oleh warganegara sendiri ke persidangan-persidangan antarabangsa serupa itu sebelumnya.

Mesyuarat agung

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pemancaran Radio Amatir Brunei (Brunei Amatir Radio Transmitting Society) akan mengadakan mesyuarat agung pada hari Ahad 18 Januari depan yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Pusat Belia di sini bermula jam 3.00 petang.

Oleh yang demikian kepada

ahli-ahli persatuan dan orang ramai yang berminat untuk memasuki persatuan itu diminta hadir ke majlis tersebut.

Menurut jurucakap persatuan itu, sebelum diadakan mesyuarat agung, mesyuarat khas akan diadakan di tempat yang sama bermula jam 2.00 petang.

PENEROKAAN kawasan seluas lebih kurang 4.05 hektar atau 10 ekar di Kampong Beribi, Gadong, akan membuka peluang yang luas kepada rakyat negara kita, khususnya bumiputera, untuk bergiat dan memajukan bidang perindustrian.

Langkah pertama Kerajaan ke arah perindustrian negara ini juga dihasratkan bagi meninggikan taraf hidup kita orang-orang Melayu dan mutu perusahaan masing-masing.

Kompleks Industri di Beribi adalah rancangan awal yang diungkapkan oleh Kementerian Pembangunan, yang akan diikuti oleh beberapa lagi kawasan di seluruh negara.

Di tapak tersebut kini telah didirikan empat buah bangunan, masing-masing berukuran 185.8 meter persegi (2,000 kaki persegi), 148.6 meter persegi (1,600 kaki persegi), 111.5 meter persegi (1,200 kaki persegi) dan 74.3 meter persegi (800 kaki persegi).

Bangunan kecil berukuran 74.3 meter persegi adalah bagi menempatkan pejabat-pejabat, kedai-kedai makan dan kedai-kedai runcit yang akan memberi perkhidmatan kepada perindustrian-perindustrian ringan yang ditempatkan di ketiga-tiga buah bangunan yang lain.

"Jadi adalah di dalam rancangan Kementerian Pembangunan supaya perusahaan seperti bengkel, perabot, bengkel membuat aluminium, bengkel gelas, stor dan bengkel-bengkel perkhidmatan kereta akan ditempatkan di salah sebuah bangunan ini," jelas Ketua Unit Perkembangan Industri, Kementerian Pembangunan Pengiran Yaakub bin Pengiran Othman baru-baru ini.

Sementara itu, bangunan-bangunan yang lain akan digunakan bagi percetakan dan perusahaan-perusahaan seperti 'packaging' barang-barang hasil yang dibuat di negara kita, menjual perabot, plastik, fibreglass dan seumpamanya.

Selain itu, Kerajaan

Pembinaan Kompleks Industri Beribi:

Dihasarkan ke arah meninggikan taraf perusahaan orang Melayu



BEGINILAH bentuk Kompleks Industri Beribi yang akan menempatkan dan meninggikan taraf perusahaan orang-orang Melayu di bidang perniagaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pembangunan juga telah merancang bagi memperbesar kawasan industri ringan ini kepada 24.3 hektar atau 60 ekar. Kerja-kerja penimbunan kawasan tambahan seluas 20.2 hektar atau 50 ekar di Kompleks Industri Beribi ini telah dimulakan.

Menurut Ketua Unit Perkembangan Industri itu lagi, peringkat tambahan di kompleks itu kemungkinan dalam rancangan kementerian itu mempunyai konsepnya yang berlainan, di mana kawasan yang dibesarkan itu hanya disediakan tanah tanpa dibina bangunan. Bagaimanapun perkhidmatan seperti pembinaan jalan raya, bekalan elektrik dan telefon serta lain-lain kemudahan adalah disediakan.

Pengiran Yaakub menambah, "Ini adalah perlu kerana setiap perusahaan ringan itu

mempunyai kehendak-kehendak yang berlainan. Jadi pada peringkat yang

kedua ini, tanah akan disediakan dan pengusaha-pengusaha akan membina



PEMANDANGAN secara dekat Kompleks Industri Beribi yang sedang giat dalam pembinaan yang mempunyai keluasan lebih kurang 4.05 hektar.

Oleh Aisah Piee
gambar Harun Rashid

kilang-kilang atau 'plan' mereka sendiri, tertakluk kepada kebenaran struktur oleh Jabatan Kerja Raya. Bagaimanapun, ini baru dalam perancangan, tetapi besar kemungkinan konsep perindustrian ringan ini berlainan dari yang ada sekarang ini."

Selain itu, kawasan tambahan tersebut juga akan menyediakan tempat bagi industri-industri yang lebih besar. Penempatan bagi industri-industri ringan dalam peringkat permulaan ini dirancang akan bermula sekurang-kurangnya akhir bulan Mac depan atau awal bulan April, kepada pemohon-pemohon yang berjaya.

Kompleks Industri Beribi dibina bagi memperkembangkan industri di negara kita, selaras dengan objektif yang terkandung dalam Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang berjalan sekarang. Selain menumpukan perhatian kepada perkembangan industri besar, galakan juga diberikan pada penubuhan industri-industri kecil yang mampu dijalankan oleh orang-orang kita sendiri.

Kementerian Pembangunan selain itu, juga telah membuat tinjauan dan mengenalpasti sekurang-kurangnya 20 buah kawasan yang sama di seluruh negara bagi kawasan perindustrian. Di Daerah Belait, satu kawasan telah disediakan di mana kerja-kerja penimbunan pada peringkat awal telah selesai.

"Satu perkara saja, kita semua sepatutnya mendukung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam meninggikan taraf hidup orang-orang Melayu kita sendiri, dan salah satu caranya ialah dengan menyediakan tapak-tapak seumpama ini, dan kita berharap orang-orang Melayu kita mengambil kesempatan ini untuk berusaha sesama mereka bagi meninggikan lagi taraf hidup dan mutu perusahaan orang-orang Melayu," tegas Pengiran Yaakub.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Omar bin Haji Serudin ketika berucap di majlis perasmian Seminar Sistem Metrik yang berlangsung selama dua hari. — Gambar oleh Haji Sharbini.

BERAKAS. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan untuk menguatkuasakan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 mulai 1 Januari tahun ini.

Akta tersebut memperuntukkan kehendak penggunaan bagi sukatan-sukatan dan timbangan semua barang-barang atau benda-benda yang dijual dari sistem imperial kepada sistem metrik.

Ini telah dijelaskan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Omar bin Haji Serudin ketika berucap merasmikan Seminar Sistem Metrik yang berlangsung di Bilik Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini pada Selasa lepas.

Menurut Awang Haji Omar, dengan adanya akta berkenaan memperlihatkan negara kita maju setapak lagi di kalangan negara-negara

Akta Sukatan dan Timbangan 1983 berkuatkuasa

Oleh Bolhassan Haji Abu Bakar

antarabangsa yang telah mempraktikkan sistem metrik.

"Ini adalah merupakan salah satu usaha kita juga bagi memenuhi hasrat untuk menyelaraskan penglibatan Negara Brunei Darussalam di dunia antarabangsa baik dari segi ekonomi, perdagangan, teknologi mahupun sosial," ujarnya.

Seminar dijalankan selama dua hari bermula pada 7 Januari itu adalah untuk pemborong-pemborong

bumiputera yang dianjurkan oleh Jabatan Kerja Raya melalui Unit Latihan dan Unit Penasihat Perniagaan Kementerian Pembangunan.

Ianya bertujuan untuk memperkenalkan sistem metrik kepada pemborong-pemborong bumiputera dan mengenal pasti keperluan-keperluan latihan untuk sistem metrik di masa hadapan.

Dalam seminar itu para peserta telah mendengar beberapa ceramah yang disampaikan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Kerja Raya.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-363

SUNAT membaca doa yang biasa dibaca lepas selesai wuduk bila telah selesai mandi hadas itu dengan mengadap kiblat, mengangkat dua tapak tangan dan memandang ke arah langit yang bererti: "Hamba naik saksi bahawa tiada Tuhan yang disembah dengan sebenarnya dalam wujud ini melainkan Allah sahaja, tiada ada sekutu bagi-Nya, dan hamba naik saksi bahawa Nabi Muhammad itu hamba Allah dan pesuruh-Nya, Allah humma ya Allah mohon jadikan hamba daripada golongan orang yang bertaubat, dan mohon jadikan hamba daripada golongan orang yang bersuci, maha suci Tuhan hamba, Allahumma ya Allah, dari segala yang tiada layak kepada Tuhan hamba, dengan keadaan hamba memuji Tuhan hamba, hamba naik saksi bahawa tiada Tuhan disembah dengan sebenarnya dalam wujud ini, melainkan Tuhan hamba, hamba mohon ampun daripada Tuhan hamba dan mohon bertaubat dan kembali kepada Tuhan hamba, dan selawat dan salam ke atas Nabi kita Sallallahu Alaihi Wasallam dan keluarga dan sahabat baginda dan segala puji-pujian itu tertentu kepada Tuhan Rabbil 'Alamin."

Kemudian sapukan dua tapak tangan ke muka, kemudian baca Surah Inna Andzalnaahu Fi Lailatil Qadri hingga akhirnya 3 kali dengan tiada mengangkat tangan, kemudian baca ayat Al-Kursi sekali iaitu: Allah hulailaha illahuwal hayyul qayyum hingga akhirnya.

Menurut hadis-hadis, bahawa barangsiapa membaca lepas wuduk atau mandi hadas atau mandi sunat akan doa Asyhadualla ilahailallah hingga akhirnya dan membaca Allahumma'alni minattawwaabina hingga akhirnya bahawa dia didhamin sebagai golongan ahli syurga, dan ia tiada

Mandi kerana hadas

akan membuat sesuatu perkara yang mengeluarkan ia dari Islam dan ia terpelihara dari jadi orang murtad. Ini suatu rahmat Allah Taala yang besar kepada orang yang beramal dengan doa yang diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang di atas ini pada tiap-tiap kali ia berwuduk atau mandi hadas atau mandi sunat Wallahuaklam.

Barangsiapa ada di atasnya beberapa mandi wajib seperti jenabah dan haid dan barangsiapa ada di atasnya beberapa mandi sunat, seperti mandi kerana hari raya dan mandi kerana sembahyang Jumaat, maka memadallah baginya mandi dengan niat mandi. Salah satu daripadanya dan ia dapat pahala mandi yang ia niatkan itu, dan mandi yang tidak diniatkan itu gugur tuntutannya daripadanya, dan ia tiada dapat sesuatu pahala kerananya. Umpamanya, di atasnya mandi jenabah dan haid, maka dia mandi dengan niat mandi haid, maka gugurlah tuntutan daripadanya akan kedua-dua mandi itu, tetapi ia diberi pahala pada mandi yang ia niatkan itu sahaja iaitu mandi haid, dan kiasanlah pada mandi hari raya dengan mandi sembahyang Jumaat itu.

Orang yang ada di atasnya mandi wajib dan mandi sunat seperti mandi jenabah dan mandi sembahyang Jumaat, maka tiadalah memadai salah satu mandi itu mengambil tempat mandi yang satu lagi, dan jika kiranya ia berniat akan kedua-duanya dengan satu mandi itu, maka dapatlah

Bahagian Ke empat

ia pahala keduanya itu, kerana perkara taharah (bersuci dari hadas) termasuk masuk di antara satu dengan satunya, tetapi tidak dalam perkara yang lain dari taharah seperti perkara sembahyang.

Sunat bagi orang yang junub, haid, nifas dan seumpamanya itu jangan membuang sesuatu suku dari badannya melainkan setelah ia mandi hadas, kerana suku-suku badannya itu akan kembali kepada keadaannya pada hari akhirat kelak, dan suku-suku yang dibuang sebelum mandi itu akan tinggal dalam keadaan junub sebagai menyedihkan tuannya, kemudian suku-suku itu pergi dari badannya melainkan dari suku-suku bentuk manusia yang tetap tinggal tiada pergi. Dan kata qil: Bahawa tiap-tiap sehelai rambut itu menuntut tuannya bagi diangkutkan hadasnya itu.

WALLAHUAKLAM
(Bersambung)



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Datu Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

Peraduan membaca Quran bagi penduduk Mukim Saba



AWANG Haji Masri Rauf ketika menyampaikan piala kepada juara bahagian perempuan dewasa Dayang Noridah binti Haji Zainal. — Gambar ihsan Persatuan PERKASA.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan membaca Al-Quran antara penduduk-penduduk Mukim Saba telah berlangsung di Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di sini pada minggu lalu.

Peraduan yang di-bahagikan kepada dua peringkat iaitu bahagian dewasa dan kanak-kanak dianjurkan oleh Persatuan Kampong Saba (PERKASA).

Bahagian lelaki dewasa tempat pertama telah dimenangi oleh Awang Md. Hassan bin Haji Taha, naib juara disandang oleh Awang Haji Emran bin Haji Kuncang dan ketiga jatuh kepada Awang Haji Tahir bin Haji Ladis.

Sementara dalam bahagian perempuan dewasa pula, juara telah disandang oleh Dayang Noridah binti Haji Zainal, kedua ialah Dayang Hajjah Mastura binti Haji

Jalil dan pemenang ketiga jatuh kepada Dayang Norhayati binti Haji Abd. Hamid.

Johan lelaki dewasa dan perempuan dewasa di samping merebut piala juga telah menerima tiket tambang ulangalik ke Republik Singapura serta wang tunai \$250.00.

Dalam bahagian kanak-kanak lelaki pertama dimenangi oleh Awang Shamsul bin Haji Bungsu, kedua Awang Ahmad Shariful Buhari bin Haji Rosli dan pemenang ketiga ialah Awang Zaini bin Haji Metussin.

Manakala dalam bahagian kanak-kanak perempuan pula juara disandang oleh Dayang Kartini binti Pengarah Omarali, naib juara ialah Dayang Siti Noor Dhuhaidah binti Haji Damit dan ketiga ialah Dayang Siti Dzulhlimi binti Haji Damit.

ANGKA TUNJUK HARGA BARANG NOV. 1986

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angka Tunjuk Harga Barang-Barang Pengguna bagi bulan November 1986 ialah 150.3 mata dan ini hanyalah 0.1 lebih tinggi dari angka tunjuk bagi bulan Oktober 1986. Berbanding dengan angka tunjuk bagi bulan November 1985, angka tunjuk bagi bulan yang dilaporkan adalah 2.5% lebih tinggi.

Jika dibandingkan dengan bulan sebelumnya, ada terdapat sedikit kenaikan angka

tunjuk bagi kumpulan "Makanan". Angka-angka tunjuk kumpulan-kumpulan lain adalah tidak berubah.

Kenaikan angka tunjuk kumpulan "Makanan" adalah disebabkan oleh kenaikan angka-angka tunjuk kumpulan-kumpulan kecil "Ikan" iaitu ikan hidup (ikan merah, bekalgan dan tamban) dan udang hidup (udang besar) dan "Sayur-Sayuran" iaitu sayur-sayuran segar (sawi putih, bayam, timun dan kacang panjang).

Peraduan membaca Al-Quran peringkat dewasa 1987

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam akan menganjurkan peraduan membaca Al-Quran peringkat dewasa bagi tahun 1987.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, pemilihan qari dan qariah akan diadakan pada awal bulan Februari depan.

Mereka yang berminat untuk menyertai pertandingan tersebut bolehlah mendapatkan borang-borang serta keterangan lanjut dari Pejabat Kadi, Kementerian Hal Ehwal Ugama di ibu negara atau kepada imam-imam di seluruh Daerah Brunei dan Muara.

Borang-borang yang diisikan hendaklah dihantar kepada pihak penganjur pada atau tidak lewat dari hari Khamis 22 Januari 1987.

Pertandingan itu adalah merupakan projek tahunan kementerian tersebut yang bertujuan untuk me-

ingkatkan mutu bacaan ayat-ayat suci Al-Quran di negara ini di samping untuk mencungkil bakat-bakat baru.

Sumbangan derma

BERAKAS. — Tabung Anak-anak Yatim telah menerima sumbangan derma sejumlah \$900 baru-baru ini.

Sumbangan-sumbangan itu datangnya dari orang-orang Pakistan Brunei Darussalam dan dari salah seorang hamba Allah.

Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Awang Haji Abd. Rahim telah menerima sumbangan berkenaan di satu majlis yang berlangsung di Pejabat Daerah Brunei dan Muara di sini minggu lalu.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 14 Januari, 1987 hingga ke hari Selasa 20 Januari, 1987 adalah seperti di bawah ini : —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATA- HARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Januari												
14	12.31	3.51	3.52	6.24	6.25	7.38	7.39	5.19	5.05	5.20	6.33	6.34
15	12.32	3.52	3.53	6.25	6.26	7.39	7.40	5.19	5.05	6.20	6.33	6.34
16	12.32	3.52	3.53	6.25	6.26	7.39	7.40	5.20	5.06	5.21	6.33	6.34
17	12.32	3.52	3.53	6.26	6.27	7.39	7.40	5.20	5.06	5.21	6.33	6.34
18	12.33	3.53	3.54	6.26	6.27	7.40	7.41	5.20	5.06	5.21	6.34	6.35
19	12.33	3.53	3.54	6.26	6.27	7.40	7.41	5.21	5.07	5.22	6.34	6.35
20	12.33	3.53	3.54	6.27	6.28	7.40	7.41	5.21	5.07	5.22	6.34	6.35

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

MARILAH kita sama-sama bertakwa kehadrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhannya dan menjauhi segala apa jua larangannya.

Salah satu ajaran Islam mengenai masalah-masalah kemasyarakatan ialah supaya kaum Muslimin akan dapat mewujudkan kehidupan persaudaraan Islam, iaitu supaya saling mewujudkan dan melahirkan persefahaman dan perpaduan serta hubungan yang rapat di antara satu sama lain, baik di waktu senang lebih-lebih lagi di kala mendapat kesusahan seperti ditimpa musibah atau bencana. Marilah kita perhatikan tentang seranan Allah terhadap orang-orang yang dikatakan Mukmin atau orang-orang yang beriman itu di dalam hubungan mereka itu sebagai satu tali persaudaraan.

"*Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah mempunyai hubungan persaudaraan, maka perbetulkanlah atau baikilah kedua saudara kamu dan bertakwalah kepada Allah semoga kamu mendapat rahmat.*" (Surah Al-Hujurat ayat 10).

Ikatan

Kalaulah Allah sendiri yang mengatakan bahawa orang-orang Mukmin itu sebagai bersaudara yang mana bila sahaja dikatakan bersaudara adalah tidak ubahnya seperti orang yang adik-beradik yang tidak dapat hendak dipisahkan seperti mana air walau bagaimanapun ianya dicincang ianya tidak akan putus. Sungguhpun demikian kalaulah hanya setakat bentuk ikatan dan hubungan, maka belumlah ianya akan dapat mendatangkan apa-apa kebaikan di kalangan orang yang beriman itu, akan tetapi apa yang lebih penting di dalam menuju kehidupan yang diredai oleh Allah, ialah sikap dan perasaan yang suka pepaduan dan kebajikan baik di kala senang mahupun di kala susah. Kerana itulah Allah mengingatkan lagi dengan firman-Nya.

Maka hendaklah kamu perbetulkan dan perbaiki kedua saudara kamu terutama di kala mereka mendapat kesusahan atau bencana. Bukan dengan membiarkan mereka terus terjerumus ke lembah kesusahan atau penderitaan ataulah menambahkan lagi kesusahan kepadanya. Lantaran dia tidak secucuk atau bersefahaman atau seailan dengan dirinya. Ini bukan amalan orang yang beriman seperti mana yang dikehendaki oleh Allah Subhanahu Wataala. Di dalam hubungan untuk mengukuhkan persaudaraan sesama Islam itu, maka di kesempitan ini ingin kita menghuraikan salah satu cara yang patut kita mengambil perhatian, iaitu ketika seseorang itu mendapat kesusahan kematian.

Menurut ajaran Islam apabila ada seseorang Islam meninggal dunia, maka hendaklah orang Islam lainnya datang ke tempat orang atau keluarga yang ditimpa kesusahan itu walaupun bukan untuk membuat kerja-kerja yang fardu kifayah, bahkan jika untuk menunjukkan rasa simpati dan ikut berdukacita, untuk memberikan ucapan takziah, maka itu pun



Menjalin ikatan persaudaraan sesama Islam

sudah boleh mendatangkan kebaikan dan kebajikan baik kepada yang ditimpa kesusahan mahupun kepada yang datang ketempat orang yang menerima kesusahan itu.

Pakaian Kehormatan

Dilihat dari sudut ajaran Islam, maka takziah yang dilakukan oleh seseorang itu akan mendatangkan pahala dan kebaikan kepada dirinya sendiri terutama di hari akhir nanti. Sebagaimana hadis Rasulullah ada menyatakan perkara ini yang kira-kira bermaksud: "*Seseorang Mukmin yang memberikan takziah kepada saudaranya yang ditimpa musibah maka Allah Subhanahu Wataala akan membagikan pakaian kehormatan untuknya di hari kiamat nanti.*" Hadis diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan Al Baihaki daripada Umar Ibnu Mazam.

Selain dari memberikan takziah, maka perkara yang lebih banyak mendatangkan kebaikan kepada si mayat yang berkenaan sebagai menghormati terakhir dari saudaranya yang masih hidup itu ialah turut mendoakan agar dosa orang yang ditinggalkan itu mendapat keampunan daripada Allah Subhanahu Wataala, kerana salah satu jambatan yang masih dapat menghubungkan antara orang yang hidup dengan orang-orang yang sudah mati ialah doa. Dan cara yang paling baik untuk kita mendoakan orang-orang yang meninggal itu ialah dengan melakukan atau ikut bersembahyang jenazah, sebagai satu pertolongan dan bantuan yang terakhir dapat

kita berikan kepadanya si mati selaku kita sebagai saudaranya sesama Islam. Bukan dengan hanya datang untuk berbual-bual kosong dengan perbuatan bergurau-senda atau mengumpat dan sebagainya yang tidak mendatangkan apa-apa faedah sama ada kepada dirinya mahupun kepada si mati. Sebenarnya di dalam suatu hadis ada menerangkan bahawa apabila banyak orang-orang yang turut menyembahyangkan jenazah, maka hal itu akan dapat meringankan kepada si mati berkenaan sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad Muslim dan Abu Daud, yang maksudnya kira-kira: "*Apabila seorang Muslim meninggal dunia, kemudian jenazahnya disembahyangkan oleh 40 orang yang tidak berlaku syirik (tidak menyekutukan Allah dalam apa jua bentuk sekalipun) maka shafaat (mohon keampunan) yang mereka pohonkan itu pastilah di terima Allah.*"

Menghantar Jenazah

Itu adalah merupakan bahagian si mati, manakala untuk orang yang melakukan sembahyang jenazah pula, bukan sahaja mereka itu dapat melepaskan fardu kifayah, yang mana kalau tidak ada orang melakukannya semua orang akan mendapat dosa, akan tetapi dari segi pahalanya pula adalah begitu besar dan barangsiapa mengetahuinya pasti tidak akan mahu melepaskannya. Cuba kita perhatikan hadis Rasulullah ini yang kira-kira

Lihat muka 7

Amal yang baik menghapus dosa

MANUSIA merupakan hamba Tuhan yang penuh bergelumang dengan dosa kerana mereka mempunyai sifat-sifat yang lemah yang tidak kebal terhadap kealpaan dan kelalaian, tidak bebas dari kekeliruan dan kesalahan. Berbeza kita dengan para malaikat yang memang dipelihara Allah dan dilindungi dari perbuatan dosa dan maksiat, mereka adalah makhluk yang maksum. Manusia diturunkan ke bumi oleh Tuhan untuk menghadapi berbagai-bagai gangguan dan cubaan demi menguji kekuatan iman seseorang itu, kerana Tuhan itu memiliki sifat Ar-Rahman dan Ar-Rahim iaitu Maha Pengasih lagi Maha Penyayang yang juga mempunyai sifat Al-Ghafururrahim. Mengasihi setiap hamba-Nya dan sentiasa memberi peluang untuk menerima taubat dan memberi keampunan dengan melakukan perkara-perkara yang dituntut-Nya. Tuhan sentiasa menerima Istighfar seseorang kecuali apabila melakukan penyekutuan atau mempersamakan Tuhan dengan kejadian-Nya. Maka kesalahan ini adalah terlalu besar dan tiada terampun baginya. Dari itu sucikan hati kita dari perbuatan-perbuatan syirik dan menduakan Tuhan, tanamkanlah keimanan yang kukuh dan mantap supaya membuahkan rasa cinta kepada amal kebajikan dan rasa benci terhadap segala maksiat dan kemungkaran dengan rasa jijik.

Sebuah hadis Rasulullah menerangkan: "*Sesungguhnya Allah membuka tangannya-Nya di waktu malam untuk menerima taubat orang-orang yang berbuat kesalahan di waktu siang dan membuka tangannya-Nya di waktu siang untuk menerima taubatnya orang yang melakukan pelanggaran di waktu malam hingga kelat terbit matahari dari arah barat (hari kiamat).*"

Allah Subhanahu Wataala mengetahui akan kelemahan manusia sebab itu Tuhan tidak membebaskan kepada hamba-Nya dengan kewajipan-kewajipan yang berat dan melampau dari kuasa yang terpicul oleh hamba-Nya, hanya Tuhan memerintah agar manusia segera mengingati Allah dan segera mensucikan diri dengan bertaubat jika ia tergelincir ke lembah noda dan dosa. Sebagaimana pengampunan Tuhan akan kesalahan Nabi Adam bersama isterinya setelah tunduk akan hasutan iblis.

Islam membuka pintu harapan seluas-luasnya untuk menerima taubat dari perbuatan maksiat dengan beristighfar. Selagi kita berharap dan sentiasa berdoa akan maghfirah iaitu keampunan bagaimana besar dosa pun akan diampunkan, dari itu janganlah lekas berputus asa dari rahmat Ilahi.

Taubat adalah satu kesedaran kembali yang timbul di dalam hati seseorang, ia menyesali akan ketelanjuran yang telah dilakukannya dan mengaku bahawa dia telah menyimpang jauh dari norma-norma keislaman dan berikrar tidak akan mengulangi perbuatan dosa itu sama sekali. Taubat yang diiringi dengan rasa kesal di samping memanjatkan doa insya-Allah akan dikabulkan permohonanannya itu. Taubat yang murni ialah penyesalan atas perbuatan yang lalu dan ketetapan hati untuk menjalani hidup yang bersih dari kemungkaran dan kekotoran.

Bagi menebus dosa-dosa tersebut maka kita hendaklah menimbanya dengan amal kebajikan dan perbuatan yang salih yang mencakup semua amal kebajikan di antaranya: Taat kepada Allah, ikhlas doa dan niat yang baik, berbuat baik kepada orang lain, menghubungi kaum kerabat, kata-kata yang sopan dan manis dan semua perbuatan yang mengangkat darjat ketinggian.

Islam menketegorkan amal kebajikan itu antaranya ialah menuntut ilmu dan menambah pengetahuan, menuntun atau menunjukkan orang lain ke jalan yang baik, beresra, berlemah lembut, dan bercakap dengan kata-kata yang baik dalam pergaulan, mencari nafkah dari titik peluh dan usaha sendiri, berjalan untuk ke masjid untuk menunaikan salat dan bersedekah serta berlumba-lumba untuk melakukan kebaikan semuannya itu adalah langkah-langkah dan jalan yang diredai Tuhan. Amal apapun yang bertujuan menegakkan kalimat Allah dan membela agama adalah kebajikan yang utama.

Wuduk juga merupakan perbuatan yang dapat menghapuskan dosa. Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda yang bererti: "*Barangsiapa berwuduk dan menyempurnakan wuduknya, lalu berdiri melakukan sembahyang dua rakaat atau empat rakaat yang wajib mahupun yang sunat dengan menyempurnakan rukuk dan sujudnya kemudian beristighfar nescaya Allah mengampuni dosanya.*"

Apatah lagi apabila kita melaksanakan sembahyang

tuk menerima taubat dari perbuatan maksiat dengan beristighfar. Selagi kita berharap dan sentiasa berdoa akan maghfirah iaitu keampunan bagaimana besar dosa pun akan diampunkan, dari itu janganlah lekas berputus asa dari rahmat Ilahi.

Taubat adalah satu kesedaran kembali yang timbul di dalam hati seseorang, ia menyesali akan ketelanjuran yang telah dilakukannya dan mengaku bahawa dia telah menyimpang jauh dari norma-norma keislaman dan berikrar tidak akan mengulangi perbuatan dosa itu sama sekali. Taubat yang diiringi dengan rasa kesal di samping memanjatkan doa insya-Allah akan dikabulkan permohonanannya itu. Taubat yang murni ialah penyesalan atas perbuatan yang lalu dan ketetapan hati untuk menjalani hidup yang bersih dari kemungkaran dan kekotoran.

Bagi menebus dosa-dosa tersebut maka kita hendaklah menimbanya dengan amal kebajikan dan perbuatan yang salih yang mencakup semua amal kebajikan di antaranya: Taat kepada Allah, ikhlas doa dan niat yang baik, berbuat baik kepada orang lain, menghubungi kaum kerabat, kata-kata yang sopan dan manis dan semua perbuatan yang mengangkat darjat ketinggian.

Islam menketegorkan amal kebajikan itu antaranya ialah menuntut ilmu dan menambah pengetahuan, menuntun atau menunjukkan orang lain ke jalan yang baik, beresra, berlemah lembut, dan bercakap dengan kata-kata yang baik dalam pergaulan, mencari nafkah dari titik peluh dan usaha sendiri, berjalan untuk ke masjid untuk menunaikan salat dan bersedekah serta berlumba-lumba untuk melakukan kebaikan semuannya itu adalah langkah-langkah dan jalan yang diredai Tuhan. Amal apapun yang bertujuan menegakkan kalimat Allah dan membela agama adalah kebajikan yang utama.

Wuduk juga merupakan perbuatan yang dapat menghapuskan dosa. Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda yang bererti: "*Barangsiapa berwuduk dan menyempurnakan wuduknya, lalu berdiri melakukan sembahyang dua rakaat atau empat rakaat yang wajib mahupun yang sunat dengan menyempurnakan rukuk dan sujudnya kemudian beristighfar nescaya Allah mengampuni dosanya.*"

Apatah lagi apabila kita melaksanakan sembahyang

Menuju Keredaan Allah

lima waktu (sembahyang yang difardukan ke atas setiap Muslim yang dewasa) juga dapat menghapuskan dosa. Di samping itu ditambah lagi dengan ucapan mensucikan Tuhan, membesarkan dan memujinya dengan kalimat-kalimat seperti Subhanallah, Allahu Akbar dan Alhamdulillah yang membawa pengampunan dosa. Hasilnya mulut kita dengan perkataan-perkataan yang bersih bagi mendapatkan pahala dari Tuhan. Jadikanlah kalimah suci itu sebagai makanan hati dan batin agar dapat memutihkan tanda-tanda atau titik-titik hitam yang mengelilingi sekitarnya.

Perlaksanaan ibadah haji dan umrah juga adalah amalan yang dapat menebus dosa, kerana balasan haji yang mabrur (yang diterima Allah) hanyalah syurga. Banyak hadis nabi telah menyatakan mengenai hal tersebut. Andainya kita masih belum mampu untuk mengerjakan ibadah tersebut kerana ianya memerlukan perbelanjaan yang banyak dan lain-lain masalah, inilah kalau seseorang itu memiliki keupayaan kewangan dan kesihatan yang baik. Walaupun miskin harta tapi kaya dengan kemuliaan akhlak, maka akan seimbanglah balasannya seperti amalan yang lainnya. Tabah apabila mengalami penderitaan atau kesengsaraan dan semakin menebal kepercayaannya terhadap Allah dan nikmat-Nya ini adalah tujuan paling akhir yang diharapkan oleh setiap Mukmin dan merupakan nikmat yang terbesar dari Allah. Telah dijelaskan dalam hadis Nabi yang bererti: "*Tiap-tiap anak Adam adalah pembuat kesalahan dan sebaik-baik orang yang membuat kesalahan ialah mereka yang segera bertaubat.*"

Allah juga mengasihi orang-orang yang bertaubat dan mensucikan diri, dan firman Tuhan menegaskan bahawa orang-orang musyrik itu adalah najis jiwa dan hati mereka.

Maka beramallah sebelum tiba mati dan bertaubatlah, kembalilah ke jalan yang benar semoga Tuhan mengampuni dosa dan nista dan melimpahi kehidupan yang damai dan sejahtera dunia dan akhirat.

DBP sambut Jubli Perak 15 Januari

Dewan Bahasa dan Pustaka

Bertanggungjawab membina, mengembangkan bahasa dan sastera

RENCANA sempena Sambutan Jubli Perak Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam. Rencana dan gambar-gambar sumbangan DBP.

DEWAN Bahasa dan Pustaka adalah sebuah jabatan kerajaan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Jabatan ini bertanggungjawab sebagai badan pembinaan dan pengembangan bahasa dan sastera, penyelidikan kebudayaan dan penerbit buku yang terbesar di negara ini di samping berperanan menyediakan perkhidmatan perpustakaan di seluruh negara.

Sejak 29 September 1959, dengan sempurnanya penandatanganan Perlembagaan Negeri Brunei 1959 telah mengangkat dan menempatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

Majlis Mesyuarat Negeri yang bersidang pada 19 April 1960 telah meluluskan satu uol untuk "membentuk satu badan yang bebas yang bertanggungjawab berhubung dengan perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi seperti yang termaktub dalam Perlembagaan."

Menurut keputusan Majlis Mesyuarat Negeri yang bersidang pada 16 September 1961, penubuhan Lembaga Bahasa telah diluluskan. Lantikan Pengarah juga telah diluluskan untuk mengetuai Lembaga Bahasa yang baru ditubuhkan itu. Pengarah Lembaga Bahasa yang pertama ialah Yang Berhormat Haji Awang Mohd. Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar (sekarang dikenali sebagai Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri). Oleh kerana nama Lembaga Bahasa difikirkan kurang sesuai, satu cadangan telah dibuat untuk menukar nama Lembaga Bahasa menjadi Bahagian Bahasa dan Pustaka, di bawah bidang kuasa Jabatan Pelajaran.

Mulai 1 Januari 1965, Bahagian Bahasa dan Pustaka telah dipisahkan daripada Jabatan Pelajaran. Ia telah menjadi sebuah jabatan baru yang dikenali sebagai Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tujuan penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka adalah seperti berikut:

- *Berusaha dan berikhtiar mengembangkan dan meningkatkan bahasa Melayu;
- *Menyesuaikan pemakaian bahasa Melayu yang telah dijadikan bahasa rasmi negara mengikut kehendak dan semangat Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dalam Bab 82 (i);
- *Mengeluarkan atau menentukan pengeluaran buku;
- *Menyatupadukan ejaan dan sebutan dan mengadakan perkataan teknikal dalam bahasa Melayu; dan
- *Menggalakkan orang-orang yang berkebolehan dalam mempelajari bahasa Melayu.

Berkembang

Selama 25 tahun berlalu Dewan Bahasa dan Pustaka গত berkembang menuju


matlamatnya. Kalau dalam awal penubuhannya, Dewan Bahasa dan Pustaka hanya mempunyai lima bahagian iaitu Bahagian Perkembangan Bahasa, Bahagian Penterjemah, Bahagian Istilah, Bahagian Perpustakaan dan Bahagian Karang-Mengarang tetapi pada masa ini Dewan Bahasa dan Pustaka sudah bertambah menjadi sepuluh bahagian. Beberapa nama bahagian telah diubahsuai dan diselaraskan dengan tugas bahagian masing-masing. Di antaranya bahagian yang pada mulanya dikenali pada tahun 1962 sebagai Bahagian Perkembangan Bahasa dan Bahagian Istilah digabungkan menjadi satu dan diubah namanya menjadi Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa. Begitu juga Bahagian Karang-Mengarang diubah menjadi Bahagian Pengarang dan kemudiannya menjadi Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera. Bahagian Penyelidik diubah menjadi Bahagian

Penyelidikan dan Penggalakan Kebudayaan, kemudian diubah semula menjadi Bahagian Penyelidikan mulai 15 April 1985, sebaik sahaja Bahagian Kebudayaan dipindahkan ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Bahagian Penyemak sekarang dikenali sebagai Bahagian Penerbitan dan Bahagian Penyunting dikenali sebagai Bahagian Buku-Buku Umum; Bahagian Pelukis pula dikenali sebagai Bahagian Seni Lukis dan Penjilidan. Demikian juga dengan Bahagian Penterjemah sekarang diubah menjadi Bahagian Buku-Buku Teks. Bagi menyelaraskan dengan perkembangan yang ada, satu bahagian baru ditubuhkan pada awal tahun 1985. Bahagian ini dikenali sebagai Bahagian Pemasaran.

Struktur

Pada masa ini struktur Dewan Bahasa dan Pustaka dibahagikan kepada sepuluh bahagian, dalam tiap bahagian terdapat pula cawangan yang mempunyai hubungan dan tanggung-



Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka sekarang yang terletak di tengah-tengah ibu negara.

jawab dengan bahagiannya.

Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa mengandungi empat cawangan-cawangan Pelaksanaan Bahasa, Cawangan Perkamusan, Cawangan Peristilahan dan Cawangan Pendokumentasian. Sesuai dengan namanya, bahagian ini bertanggungjawab mengawasi penggunaan bahasa Melayu dan tulisan Jawi di semua sektor; memberi nasihat dan bantuan dalam bidang berkenaan. Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam mengumpul perkataan-perkataan, dialek-dialek tempatan dan istilah-istilah untuk tujuan pembukuan dan pendokumentasian di samping merangka penerbitan Kamus Kanak-Kanak dan Kamus Perbendaharaan Kata Melayu Brunei. Selain daripada itu Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa juga bertindak sebagai pembimbing dan pengajar sistem ejaan rumi baru di jabatan-jabatan kerajaan.

Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera mengandungi lima cawangan

cawangan Sastera Lama, Cawangan Sastera Kreatif, Cawangan Dokumentasi, Cawangan Majalah dan Cawangan Kegiatan. Bahagian ini mengusahakan penerbitan majalah bulanan iaitu *Bahana* dan *Mekar*. Bahana memuatkan karya-karya sastera seperti cerpen, sajak dan esei, sementara *Mekar* khusus untuk bacaan kanak-kanak. Bahagian ini juga bertanggungjawab mengadakan peraduan penulisan kreatif seperti novel, cerpen dan puisi serta mengendalikan forum, perbincangan, bengkel, kursus dan kegiatan tahunannya—Tetamu DBP.

Bahagian Penyelidikan mengandungi empat cawangan iaitu Cawangan Penyelidikan, Cawangan Arkib, Cawangan Teknik dan Cawangan Penggambaran. Bahagian ini pada keseluruhannya bertanggungjawab dalam menyelidik, mengumpul dan mendokumentasikan sesuatu yang difikirkan berharga dan berguna, sama ada berbentuk manuskrip lama, mikro film, gambar, cerita rakyat, sastera lisan, surat perantaraan, ucapan dan bahan sejarah tempatan bagi keperluan rujukan dan penerbitan.

Bahagian Penerbitan mengandungi lima cawangan iaitu Cawangan Perancangan, Cawangan Prof, Cawangan Hakcipta dan Royalti, Cawangan Aturhuruf dan Cawangan Rekaletak. Cawangan Perancangan pula terbahagi kepada lima subcawangan-subcawangan Perancangan Umum, Subcawangan Perancangan Teks, Subcawangan Perancangan Sastera, Subcawangan Perancangan Majalah dan Subcawangan Perancangan Rangkaian. Bahagian ini bertanggungjawab dengan kerja-kerja pengendalian penerbitan buku dan majalah yang diusahakan oleh bahagian-bahagian tertentu di jabatan ini. Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam menguruskan bayaran royalti kepada penulis yang karyanya diterbitkan oleh jabatan ini berdasarkan kepada kategori yang telah dibenarkan.

Bahagian Buku-Buku Umum mengandungi dua cawangan iaitu Cawangan Dewasa dan Cawangan Kanak-kanak. Bahagian ini merancang penerbitan buku-buku umum dalam semua

bidang untuk bacaan orang dewasa dan kanak-kanak. Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam penerbitan jurnal triwulan — *Beriga*.

Bahagian Perpustakaan mengandungi empat cawangan iaitu Cawangan Perkhidmatan Teknik, Cawangan Perkhidmatan Pusat, Cawangan Latihan dan Cawangan Perkhidmatan Perpustakaan Cawangan. Cawangan-cawangan ini terbahagi pula kepada beberapa cawangan. Bahagian Perpustakaan memegang peranan yang amat penting dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat. Perpustakaan Pusat, Perpustakaan Cawangan dan Perpustakaan Bergerak menyediakan kemudahan membaca, merujuk dan meminjam buku serta kemudahan untuk membaca jurnal, majalah dan surat-khabar dalam dan luar negeri. Di samping itu bahagian ini juga mengadakan kegiatan-kegiatan seperti ceramah pelajaran untuk penuntut-penuntut yang mengambil peperiksaan BJCE, GCE 'Peringkat Biasa' dan GCE 'Peringkat Tinggi' serta mengadakan Ceramah Agama, Majlis Dialog, Permainan Dalam, Mari Bercerita, Kegiatan Membaca Jawi, Peraduan Mari Bercerita, Perkampungan Kanak-Kanak dan Kempen Gerakan Budaya Membaca ke seluruh negeri.

Bahagian Seni Lukis dan Penjilidan mengandungi tiga cawangan — Cawangan Grafik, Cawangan Ilustrasi dan Cawangan Penjilidan. Bahagian ini lebih banyak terlibat membuat ilustrasi buku, majalah dan buku rancangan di samping menyediakan set serta kelengkapan untuk kegiatan jabatan. Bahagian ini juga memberi kerjasama untuk menjilid semula buku-buku yang rosak, kertas kerja, jurnal, majalah dan lain-lain.

Bahagian Buku-Buku Teks mengandungi empat cawangan — Cawangan Terjemahan, Cawangan Buku-Buku Sekolah Rendah, Cawangan Buku-Buku Sekolah Menengah dan Cawangan Buku-Buku Institusi-Institusi Pengajian lain. Bahagian ini dipertanggungjawabkan untuk mengusahakan penerbitan

Lihat muka 7



RUMAH-KERAJAAN Kerajaan yang dirobohkan untuk dijadikan tapak bangunan DBP (atas). Gambar bawah memperlihatkan Pejabat DBP ditempatkan sementara di Bangunan Jabatan Pelajaran.





SUDUT KESIHATAN

DIKELUARKAN OLEH
UNIT PENDIDIKAN KESIHATAN
JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN



JENIS-JENIS susu tepung yang dicemari oleh bahan radioaktif dan telah ditarik balik dari pasaran.

Makanan yang dijual adalah selamat dimakan Orang ramai tidak perlu khuatir

Adalah dinasihatkan kepada mereka supaya tidak merasa khuatir mengenai dengan pencemaran ini. Langkah-langkah yang sewajarnya telah pun diambil oleh jabatan ini bagi memastikan semua hasil susu dalam pasaran adalah selamat untuk digunakan.

Tiap-tiap kumpulan susu dari negara-negara yang terlibat akan diuji sebelum ianya dibenarkan untuk dijual. Paras pencemaran radioaktif yang dibenarkan di negara kita ialah di bawah 10Bq/Kg. Ini adalah paras yang paling rendah yang boleh dikuatkuasakan. Negara-negara Eropah telah membenarkan hingga 370 Bq/Kg yang mana ianya masih dalam had selamat.

Oleh itu orang ramai tidak perlu khuatir bahawa makanan yang dijual di kedai-kedai runcit dan pasaraya-pasaraya adalah selamat untuk digunakan atau dimakan.

Walau bagaimanapun atau ibu adalah susu yang paling baik dan selamat bagi kanak-kanak damit dan ini adalah masa yang tepat dan sesuai untuk diamalkan.

Sebilangan makanan-makanan yang telah diharamkan di negara-negara lain dibenarkan dijual di sini. Bolehkah pihak jabatan ini menjelaskan?

Penghantaran-penghantaran makanan ke setiap negara adalah tidak semestinya sama. Oleh itu sebagai misalan kumpulan yang dihantar ke Malaysia tidak semestinya sama jenisnya dengan yang dihantar ke Brunei dan begitu pula sebaliknya.

Dari itu dalam satu penghantaran mungkin mengandungi kumpulan yang berlainan dan mungkin di antaranya ada yang dicemari dan begitu pula sebaliknya. Hasil yang dikeluarkan adalah bergantung kepada tempat bahan-bahan mentahnya diperolehi. Rumpun yang di satu kawasan di dalam negeri yang sama mungkin telah dicemari manakala di tempat yang lain pula mungkin tidak. Oleh itu susu yang diperolehi dari lembu yang memakan rumput yang dicemari itu akan tercemar dan begitu pula sebaliknya.

Apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Jabatan Kesihatan terhadap pemilik-pemilik kedai yang menjual susu yang dicemari oleh bahan-bahan radioaktif

Sejauh ini semua ejen-ejen pengimport dan penjual-penjual telah pun memberikan kerjasama dalam mematuhi arahan-arahan jabatan ini. Merinyu-merinyu Kesihatan telah pun membuat pemeriksaan dan akan terus berbuat demikian bagi memastikan yang arahan-arahan ini sentiasa dipatuhi.

Walau bagaimanapun jika terdapat penjual yang tidak mematuhi arahan-arahan yang dikehendaki itu maka pihak jabatan ini tidak mempunyai pilihan lain melainkan menasihatkan jabatan Berkuasa melesen seperti Lembaga Bandarana atau Jabatan Daerah di daerah masing-masing untuk menggantungkan lesenya.

Bermesra dengan sistem metrik...

TAHUKAH AWDA

*Kain-kain akan mula dijual dalam metrik dan awda kenalah membeli dalam beberapa meter, tidak sekian-sekian ela lagi sepertimana lazimnya.

Berikut adalah perkara-perkara yang patut diingat apabila awda membeli-belah dengan kiraan meter:

*1 meter = 100 sentimeter (cm)

*1 meter mengandungi lebih kurang 1 ela 3 inci (39 inci); iaitu lebih panjang sepuluh peratus. Jadinya harga bagi satu meter adalah lebih sebanyak sepuluh peratus.

*Awda tidak perlu membeli lebih dari yang diperlukan. Awda akan mendapat sebanyak mana yang awda biasa dapat dan membayarnya sebanyak mana yang awda biasa bayar.

Ela ke meter		meter ke ela	
1	0.9	1	1.09
2	1.8	2	2.19
3	2.7	3	3.28
4	3.7	4	4.37
5	4.6	5	5.47
6	5.5	6	6.56
7	6.4	7	7.66
8	7.3	8	8.7
9	8.2	9	9.8
10	9.1	10	10.9
20	18.2	20	21.9
30	27.4	30	32.8
40	36.6	40	43.7
50	45.7	50	54.7

Misalnya :

Kalau biasanya awda membeli	Mintalah
1 ela	0.9 m
1½ ela	1.4 m
2 ela	1.8 m
2½ ela	2.3 m
3 ela	2.7 m
3½ ela	3.2 m
4 ela	3.7 m
4½ ela	4.1 m
5 ela	4.6 m

Dari muka 6

buku-buku teks di peringkat sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi. Pada masa ini bahagian ini lebih banyak terlibat dengan kerja-kerja penterjemahan untuk jabatan dan keperluan luar jabatan, sama ada dari jabatan kerajaan atau swasta yang memerlukan bantuan penterjemahan.

Bahagian Pentadbiran mengandungi lima cawangan — Cawangan Persuratan, Cawangan Kewangan, Cawangan Pengambilan, Cawangan Stor, Cawangan Rampaian/Pemeliharaan. Bahagian ini bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran harian jabatan, hal-ehwal kewangan, pengambilan dan lain-lain peraturan yang telah ditentukan serta dalam pemeliharaan

bangunan.

Bahagian Pemasaran mengandungi tiga cawangan — Cawangan Seranta, Cawangan Jualan dan Cawangan Kewangan. Bahagian ini memegang peranan penting dalam memasarkan buku dan majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka serta dalam membekalkan buku dan majalah kepada pengedar-pengedar yang dilantik baik di dalam mahupun di luar negeri. Di samping itu, Bahagian Pemasaran juga bertanggungjawab dalam memberikan perserantaan ke atas buku-buku baru terbitan jabatan ini melalui media massa. Dalam usaha pendedahan buku dan mencari pasaran baru, bahagian ini juga menyertai pameran buku dalam dan luar negeri.

(Bersambung)

Dari muka 5

bermaksud: "Barangsiapa turut menghantar jenazah dan menyembahkannya sampai selesai dikuburkan, ia mendapat pahala dua kiral, satu kiral (nilai pahalanya) paling sedikit ialah sebesar bukit Uhud."

Sebenarnya apakah hikmat di sebalik ganjaran pahala yang begitu besar diberikan kepada orang yang memberikan takziah, melakukan sembahyang jenazah serta kepada orang-orang yang menghantar jenazah ke kubur itu? Kalau kita perhatikan di sanalah sebenarnya terletak keharmonian dan hakikat hidup persaudaraan di dalam Islam. Kerana disebabkan rasa tamakkan kepada pahala yang berpunca dari keimanan

yang tebal, maka akan lahir semangat bantu-membantu. Ingin mengelina kesudahan dan penderitaan saudara yang lain. Sebagai natijahnya ialah akan mewujudkan perpaduan dan persefahaman yang kukuh di kalangan anggota masyarakat iaitu masyarakat Islam yang benar-benar berpegang dengan ajaran Islam.

Marilah kita sama-sama menghidupkan semangat persaudaraan yang pernah ditunjukkan dengan jayanya oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kira-kira 14 kurun yang lampau itu. Mudah-mudahan dengan itu kita akan mendapat kehidupan yang penuh keredaan daripada Allah Subhanahu Wataala serta terhindar dari mendapat kemurkaan Allah.

Mengapakah Jabatan Kesihatan mengambil berat ke atas pencemaran radioaktif?

AKIBAT dari malapetaka Chernobyl bahan-bahan radioaktif telah mencemari udara dan bumi di sekitar kawasan yang berkenaan. Pengerakan angin dan hujan telah merebakkan pencemaran ini ke beberapa tempat di negara-negara Eropah. Kejadian ini telah menyebabkan bahaya pencemaran terhadap makanan-makanan yang dihasilkan dari negara-negara tersebut. Negara Brunei Darussalam mengimport lebih 500 jenis bahan-bahan makanan dari negara-negara yang terlibat setiap tahun. Sebagai fungsi utama jabatan ini untuk sentiasa mengawasi dan menghindarkan bahaya untuk kesihatan bagi mencegah penyakit dan meningkatkan kesihatan, maka pihak kami telah mengambil perhatian yang berat supaya makanan yang diimport itu bebas dari pencemaran bahan radioaktif.

Apakah bahayanya memakan makanan yang dicemari oleh bahan radioaktif?

Makanan yang mengandungi kadar bahan radioaktif yang tinggi jika dimakan dengan berterusan dalam jangka masa yang panjang boleh mendatangkan kesan-kesan yang serius terhadap kesihatan seperti penyakit barah dan kecacatan pada anak yang di dalam kandungan.

Ingin ditekan di sini bahawa kesan-kesan radioaktif ini hanya akan mendatangkan bahaya jika ianya termakan pada kadar yang tinggi dan dalam jangka masa yang panjang.

Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh jabatan ini bagi memastikan yang makanan itu selamat untuk dimakan?

Jabatan ini telah pun mengambil contoh-contoh makanan, termasuk susu dan makanan-makanan kanak-kanak damit seperti LACTOGEN, DUMEX, SMA, S 26, NESTUM, MAMEX, daging yang diawet dinginkan, mentega, keju, choklat, jem, jeruk-jerukan, bijiran dan makanan-makanan yang ditinkan, Mineral Water dan lain-lain.

Walau bagaimanapun pihak kami lebih mengambil berat kepada semua jenis susu dan bahan-bahan makanan yang dibuat dari susu kerana anak-anak damit sangat-sangat bergantung kepada susu gantikan dan juga kanak-kanak serta orang-orang dewasa meminum susu dan memakan makanan yang dibuat daripada susu dengan banyaknya. Oleh kerana susu perlu dipekatkan kira-kira 8-10 kali semasa prosesnya maka peluang pencemaran ke atas tepung susu adalah tinggi.

Contoh-contoh yang diambil telah dihantar ke Singapura bagi penganalisaan dan contoh-contoh tersebut didapati bebas dari pencemaran. Walau bagaimanapun hanya baharu-baharu ini didapati keputusan yang menunjukkan pencemaran bagi susu tepung jenis EVERYDAY dan NESPRAY dan susu pekat jenis COAST. Kumpulan ini diperbuat pada bulan Julai dan diimport terus dari Denmark dan Holland. Beberapa kumpulan susu tepung jenis EVERYDAY juga kemudiannya didapati dicemari oleh bahan radioaktif.

Dalam satu penghantaran biasanya mengandungi beberapa kumpulan dan berkemungkinan ada sebilangannya dicemari dan ada pula yang bebas dari pencemaran. Oleh itu sebagai langkah bagi memastikan yang kumpulan-kumpulan ini selamat untuk digunakan maka tiap-tiap kumpulan berkenaan telah pun diuji.

Semua jenis susu yang telah dicemari itu telah pun ditarik balik dari pasaran dan orang ramai telah pun dimaklumkan mengenainya.

Bahan-bahan makanan tidak akan dibenarkan untuk dijual kepada orang ramai sehingga ianya diuji dan disahkan bebas dari pencemaran radioaktif.

Orang ramai, terutamanya ibu-ibu merasa bimbang mengenai dengan susu-susu yang tercemar oleh radioaktif.

Apakah nasihat-nasihat pihak Jabatan Kesihatan?

Jabatan ini telah pun dihujani oleh panggilan telefon yang menunjukkan kebimbangan orang ramai terutamanya kaum ibu.



PEMERIKSAAN-PEMERIKSAAN dijalankan oleh Merinyu Kesihatan ke atas susu-susu tepung seperti kelihatan (gambar atas kanan) dan ke atas daging-daging yang diawet dinginkan (atas kiri).

Pendahuluan

PEMBENTUKAN Rancangan Kemajuan Negara (RKN) adalah berhasrat untuk menyediakan berbagai perkhidmatan dan kemudahan bagi kesejahteraan, kesempurnaan hidup seluruh rakyat serta penduduk negara ini dan untuk memperkukuhkan lagi kemajuan ekonomi dan sosial negara. Rancangan Kemajuan Negara Ke-5 tahun 1986-1990 disediakan bukan sahaja untuk memenuhi keperluan masa pendek (lima tahun) malah juga bagi persediaan jangka panjang untuk tahun 2005 (20 tahun akan datang). Dalam erti kata lain Rancangan Kemajuan Negara adalah satu "on-going" proses (proses berterusan) dan seharusnya dinamik yang dikendalikan menurut matlamat-matlamat dan tujuan-tujuan satu negara itu dalam masa yang tertentu.

Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai penggerak utama dalam aktiviti pembangunan sosio-ekonomi memperuntukkan sejumlah wang yang bukan sedikit demi untuk mencapai matlamat-matlamat ini. Akan tetapi tanpa penglibatan sepenuhnya dari rakyat dan penduduk, terutama para belia, satu-satu rancangan itu tidak akan berjaya untuk dicapai sebagaimana yang dihasratkan. Inilah harapan kerajaan, harapan kita iaitu kerjasama dari lapisan masyarakat khususnya golongan belia di negara ini untuk dapat memberikan sumbangan positif dengan melibatkan diri secara aktif. Dalam erti kata lain, sektor kerajaan cuma dapat memulakan langkah pertama dengan menyediakan infrastruktur atau kemudahan asas setelah itu terpulangnya kepada sektor swasta, lapisan masyarakat pada amnya untuk melibatkan diri atau melaksanakannya.

Inilah isu yang kita bincangkan pada hari ini iaitu penglibatan masyarakat, para belia khususnya, dalam rancangan kemajuan negara ini. Dalam perkara ini kertas kerja ini cuma akan mengemukakan beberapa soalan bagi sama-sama kita memerhati, meneliti dan menilainya. Tidak dapat dinafikan kita tidak punya satu-satu jawapan yang dianggap paling sesuai kerana faktor-faktor rintangan (constraint), masa dan cara penglibatan yang bermacam cara.

Lima persoalan akan kita kemukakan iaitu apakah itu Rancangan Kemajuan Negara, siapakah itu para belia, kenapa harus penglibatan para belia, bila dan bagaimana caranya melibatkan diri?

Apakah itu Perancangan Kemajuan?

Proses Perancangan Kemajuan atau Development Planning di negara kita Brunei Darussalam bermula pada tahun 1953 (23 tahun lalu) dengan pembentukan Rancangan Kemajuan Negara pertama. Rancangan Kemajuan Negara pada amnya bolehlah dikatakan sebagai satu simbol komitmen kerajaan dalam pembangunan negara, sosio-ekonomi dan infrastruktur. Setiap Rancangan Kemajuan Negara pada asasnya mempunyai Objektif atau Matlamat, Haluan Dasar dan Strategi. Pencapaian satu-satu matlamat itu tidak semestinya dapat dicapai dalam jangka 4-5 tahun tetapi dalam masa yang panjang. Oleh itu tidak hairanlah jika strategi terpaksa diatur semula menurut keadaan semasa atau feedback yakni pengalaman yang dilalui, matlamat baru serta kemampuan dari segi kewangan dan sebagainya untuk mencapai matlamat-matlamat tadi.

Mengimbas kembali akan matlamat-matlamat yang dinyatakan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-1 dahulu termasuklah menyediakan kemudahan asas atau infrastruktur, perhubungan, pengangkutan, kesihatan dan perubatan, pelajaran dan sebagainya. Dari sini mulalah perkembangan sosio-ekonomi dengan terbinanya jalan-jalan raya, sekolah, hospital dan klinik, perbekalan air, elektrik dan sebagainya. Rancangan Kemajuan Negara yang awal ini, dengan peruntukkan sejumlah \$100 juta lebih menumpukan kepada penyediaan asas iaitu bagi tujuan mengelakkan dari constraint atau "structural bottlenecks" yang akan timbul dalam Rancangan Pembangunan seterusnya.

Di dalam keadaan atau konsep negara yang membangun, penyediaan asas ini masih lagi diperlukan sesuai dengan kehendak semasa. Rancangan Kemajuan Negara Ke-2 (tahun 1962-1966) menyenaraikan beberapa matlamat bertujuan untuk rakyat dan penduduk negara. Antara lain matlamatnya ialah mempelbagaikan



AWANG Haji Mohd. Hussin bin Haji Hassan, salah seorang belia dari Kampong Kandang ketika mengajukan pertanyaan dalam Seminar Koperasi Belia yang berlangsung baru-baru ini.

Rancangan Kemajuan Negara ke-5 serta penglibatan belia

ekonomi, memberikan peluang pekerjaan, harga yang stabil, menyediakan satu sistem pelajaran yang komprehensif, meningkatkan perkhidmatan kewangan, menyediakan kemudahan awam, memajukan kebudayaan negara dan sebagainya. Pokoknya Rancangan Kemajuan Negara Ke-2 ini masih lagi bertujuan untuk menyediakan kemudahan asas di samping cuba untuk "menseimbangkan" struktur melalui matlamat mempelbagaikan ekonomi.

Mempelbagaikan ekonomi adalah salah satu matlamat dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-5 yang baru. Usaha ke arah ini lebih-lebih lagi perlu terutama di dalam keadaan pasaran minyak dunia yang menurun atau tidak menentu. Turunnya harga minyak di pasaran dunia menjejaskan terus pendapatan negara yang hanya bergantung sepenuhnya kepada hasil minyak dan gas. Matlamat seterusnya ialah Kemajuan Sumber Tenaga Manusia — termasuklah para belia, mempertahankan inflasi, untuk mewujudkan masyarakat yang dinamik, berdisiplin dan bertanggungjawab dengan warganegara sebagai ejen bagi kemajuan dan pembangunan, untuk menggalakkan dan membimbing rakyat Melayu untuk menjadi pemimpin dalam perusahaan dan perdagangan.

Jika diteliti matlamat Rancangan Kemajuan Negara Ke-5 dan Rancangan Kemajuan Negara yang awal tidak banyak terdapat perbezaan — terutama dari aspek mempelbagaikan ekonomi negara dan menyediakan perkhidmatan dan kemudahan untuk rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Hanya perbezaannya ialah peruntukkan yang berjumlah \$100 juta dalam Rancangan Kemajuan Ke-1 berbanding dengan \$3.7 billion (\$3,700 juta) pada Rancangan Kemajuan Negara sekarang untuk mencapai matlamat-matlamat ini. Satu perbezaan yang agak ketara juga ialah dari segi "penekanan" matlamat-matlamat sekarang dan yang dahulu. Misalannya sekarang "priority" kita ialah peningkatan dalam bidang perindustrian, dan percepatan perkembangan dalam sumber-sumber tenaga manusia.

Siapakah Para Belia

Belum ada istilah tetap untuk men-takrifkan golongan "para belia". Ada yang menyatakan golongan umur 15-24, 15-35 dan yang di bawah umur 40 tahun (15-39). Kita akan menggunakan istilah yang akhir. Pada kiraan banci penduduk terakhir iaitu 1981, ramai penduduk dalam lingkungan umur ini ialah sejumlah 87,000 iaitu 45 peratus dari jumlah penduduk negara. Ini berbanding dengan 39 peratus atau 54,000

orang pada banci tahun 1971.

Pertumbuhan penduduk dari 1971-1981 dalam lingkungan ini umur ialah sebanyak 4.8 peratus setahun iaitu melebihi pertumbuhan penduduk keseluruhannya iaitu 3.5 peratus setahun. Dari angka sejumlah 87,000 orang 'belia' tadi seramai 47,000 (46 peratus) adalah kaum lelaki dan 40,000 (44 peratus) perempuan.

Walau apapun istilah yang kita gunakan, tidak dapat dinafikan yang para belia lelaki dan wanita merupakan golongan yang bukan sedikit atau bukan kurang pentingnya dan dari itu mempunyai potensi dalam pembinaan negara (nation-building).

Meninjau kita ke sudut gunatenaga iaitu belia yang melibatkan diri atau bergiat di dalam ekonomi. Pada tahun 1981 seramai 53,000 orang dari jumlah gunatenaga keseluruhannya (iaitu 75 peratus) adalah terdiri dari kalangan para belia. Seramai 71 peratus daripada jumlah gunatenaga kaum lelaki adalah dilingkungan umur ini manakala wanitanya pula ialah 84 peratus — iaitu satu penyertaan yang menggalakkan.

Di samping itu perangkaan yang menunjukkan bilangan penduduk yang mencari pekerjaan (atau mereka yang menganggur) ialah hampir keseluruhannya (97 peratus dari kalangan kaum belia jua. Bilangannya kira-kira 2,500 orang dengan kadar pengangguran sebanyak 3.5 peratus walaupun sedikit tetapi mempunyai implikasi dari sudut dasar pekerjaan. Ini ialah kerana yang terlibat kebanyakannya dari rakyat dan penduduk tempatan dan ramai di antaranya ialah kaum wanita. Persoalannya ialah kenapa harus timbul pengangguran walaupun pada hakikatnya di sekeliling terdapat banyak penduduk dan pekerja-pekerja asing.

Ada dua faktor utama bagi menerangkan fenomena ini. Pertama sikap memilih pekerjaan dan kedua ialah apa yang diistilahkan sebagai masalah "mismatch" atau ketidakseimbangan di antara kehendak (demand) dan pengeluaran (supply) gunatenaga di pasaran buruh. Ini memang ketara di dalam konteks pasaran buruh di negara kita. Sikap yang dingin terhadap satu-satu pekerjaan dan juga semangannya kurang berkemahiran menyebabkan banyak pekerjaan — terutama jenis teknikal — dipenuhi oleh pekerja-pekerja bukan tempatan.

Tidak dinafikan akan sumbangan pekerja-pekerja asing dalam pembangunan sosio-ekonomi tetapi jika diteliti pengangguran terus kepada mereka secara langsung akan menghadkan peluang anak-anak tem-

KERTAS kerja ini telah dibentangkan oleh Awang Chua Pheng Siong, Timbalan Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan di Seminar Koperasi Belia yang telah berlangsung di Dewan Muhibbah 25 Disember 1986.

patan mendapatkan kemahiran yang sesuai di samping akan lebih membebaskan kerajaan dari segi menyediakan perbelanjaan sekolah-sekolah, perubatan dan kemudahan lainnya. Secara tidak langsung aspirasi yang berlainan juga akan menimbulkan kebudayaan dan kehidupan yang berbeza (cultural pluralism) yang setenterunya belum pasti bermanfaat.

Kenapa Penglibatan Para Belia?

Penglibatan para belia, malah semua lapisan masyarakat, adalah penting dalam pelaksanaan dan kejayaan satu-satu Rancangan Kemajuan Negara. Terutama bagi sebuah negara yang kecil penduduknya penggunaan tenaga manusia, khususnya para belia, dengan sepenuhnya sebaiknya adalah lebih-lebih lagi mustahaknya. Ini ialah kerana kita tidak berupaya untuk membiarkan keciciran tenaga, lebih-lebih lagi di sektor yang memerlukan setiap tenaga mahir dan terlatih.

Seperti sumber-sumber lain — para belia boleh diiktiraf sebagai satu pelaburan atau penanaman modal (investment of human capital). Dan seperti juga jenis pelaburan-pelaburan yang lainnya ianya mempunyai risiko yang belum tentu untung ruginya.

Ini terpulangnya bagaimana pembentukan dan pembinaan belia dari segi pemikiran dan kreativiti, ilmu pengetahuan, kesedaran beragama dan juga kesihatan para belia itu sendiri. Potensi atau pelaburan tadi akan dapat dimanfaatkan jika sumber-sumber ini dapat digunakan dengan sebaik-baiknya dan sepenuhnya. Hasil atau end-productnya kelak ialah wujudnya sebuah masyarakat yang bekerjasama, berdisiplin, berundang-undang, berpelajaran dan dapat melahirkan pemimpin-pemimpin negara yang bertanggungjawab.

Dalam pada itu penglibatan yang negatif atau tidak sihat — dari akibat pengangguran atau masa terluang yang disia-siakan akan mendedahkan para belia kepada pelbagai cabaran zaman seperti sikap merosakkan harta-benda awam, penyalahgunaan dadah. Ini bukan sahaja merugikan masyarakat tapi juga akan mengakibatkan kehilangan hasil pendapatan negara (real or opportunity cost) yang sepatutnya diperolehi dari penyertaan aktif dalam bidang ekonomi.

Dari sini para belia haruslah memupuk kesedaran dan mempersiapkan diri dalam membentuk nilai-nilai positif dan asas yang teguh supaya nanti terbenanya masyarakat hadapan yang sihat. Seruan untuk "merebut peluang dan mempergunakan masa muda sebelum tua" adalah paling relevant dalam konteks ini.

Bila Belia Melibatkan Diri

Dalam hubungan ini setiap Rancangan Kemajuan Negara melalui pelaburan dan projek-projek kerajaan memberikan peluang bagi para belia melibatkan diri secara aktif sebagai tenaga kerja atau pelaksana projek-projek yang diluluskan. Dari itu proses penglibatan para belia seperti juga halnya dengan Rancangan Kemajuan Negara adalah proses yang berterusan atau penglibatan setiap masa melalui inisiatif dan kesedaran para belia itu sendiri.

Kesedaran ini kita difahamkan, telah pun dimanfaatkan melalui berbagai pertubuhan syarikat-syarikat kerjasama melalui kedai ikutan, dan perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan.

Di dalam keadaan ekonomi dunia dan pasaran harga minyak yang tidak menentu ini yang menjejaskan terus hasil pendapatan negara kita haruslah bersama-sama melipatgandakan usaha yang ada terutama di dalam usaha mempelbagaikan ekonomi negara. Sehubungan dengan ini penglibatan di dalam sektor perdagangan haruslah dipertingkatkan sementara sektor pertanian dan sektor perusahaan terutamanya diterokai seperti yang dihasratkan di dalam Rancangan Kemajuan Negara baru.

Kedudukan Mahkamah Syariah dalam sistem kehakiman

Sambungan minggu lalu

*Saleh Ali lwn Anisah. Di dalam kes ini pihak menuntut telah memohon mahkamah megesahkan rujuk yang difafkan olehnya di hadapan dua saksi. Mahkamah telah menerima permohonan-nya akan tetapi apabila rayuan dibuat, Mahkamah Rayuan telah memutuskan oleh kerana rujuk itu tidak difafkan, di hadapan isteri dan ia tidak diberitahu dan perkara itu tidak dilaporkan kepada Pendaftaran yang berkenaan. Lafaz itu dianggap liar dan tidak sah kerana tidak mematuhi perintah yang memerlukan rujuk difafkan di hadapan isteri dan Pendaftaran. Keputusan Mahkamah Rayuan itu telah disahkan oleh Mahkamah Agung.

Keputusan-keputusan kes di Indonesia adalah tidak begitu panjang dan lengkap seperti halnya di Pakistan, akan tetapi ada mengandungi rujukan-rujukan kepada Al-Quran, hadis dan kitab-kitab tertentu.

Di Malaysia, keputusan-keputusan perbicaraan di Mahkamah Kadi telah baru-baru ini dilaporkan dalam Jurnal Hukum. Laporan-laporan ini meliputi keputusan-keputusan Mahkamah Kadi dan juga Lembaga Rayuan. Tidak ada rayuan atau rujukan kepada Mahkamah Agung di Malaysia.

Sebagai contoh kes yang diputuskan di Malaysia rujukan boleh dibuat kepada kes-kes Wan Abdul Aziz lwn Siti Aishah. Di dalam kes itu, suami seorang jurutera dan isterinya seorang guru besar telah berkahwin apabila mereka masih belajar di Australia. Mereka telah mempunyai dua orang anak, Wan Halimatul Tasma dan Wan Anita Kartini, selepas mereka balik ke Malaysia telah timbul perselisihan antara mereka dan mereka telah tinggal berasingan dari tahun 1972. Selepas itu anak perempuan yang kecil, Wan Anita Kartini, tinggal dengan bapanya di Kota Bharu dan dijaga oleh nenek sebelah bapanya. Anak yang besar tinggal dengan ibunya dan dijaga oleh nenek sebelah ibunya. Telah terjadi perceraian pada tahun 1974.

Dalam kes pertama, ibu itu, Siti Aishah telah menuntut hak jagaan anak kecilnya, Wan Anita Kartini, pada masa itu empat tahun umurnya. Pada masa itu ibu itu masih janda dan belum berkahwin semula. Mahkamah Kadi yang membicarakan kes itu telah memberi hak jagaan kepada ibu itu dan bapanya, Wan Abdul Aziz, telah merayu ke Jemaah Pengadilan. Jemaah Pengadilan telah membenarkan rayuan itu dan menghukumkan anak itu hendaklah tetap di bawah jagaan bapanya dalam pemeliharaan dan anak asuhan orang yang diharapkannya iaitu ibunya dan nenek kepada anak itu. Di dalam keputusannya Jemaah Pengadilan telah berkata "Pokok dan tujuan hadhanah ialah muslihat dan kebaikan budak yang dipelihara dan dijaga sebagai hak asasi bagi budak itu. Hak yang mesti diutamakan lebih dari hak pihak yang memelihara sebagaimana yang difahamkan daripada fatwa Al-Salah yang tersebut dalam Tuhfah dan Nihayat serta diakui oleh Ali Shabramulisi, juga sebagaimana yang disalin oleh Syed Sabiq dalam Fiqhul Sunnah yang bermaksud:— "Sesungguhnya setiap yang menjaga dan dijaga (anak) mempunyai hak dalam hal pemeliharaan tetapi hak yang dijaga lebih kuat dari hak yang menjaga" dan diterangkan oleh Ibu Qadamah dengan katanya yang bermaksud "Thabitnya hadhanah adalah untuk menentukan nasib (kepentingan) budak (kanak-kanak) itu."

Maka dalam perbicaraan kes ini tidak ada keterangan yang menunjukkan terjejasnya muslihat dan kebaikan hidup Wan Anita Kartini dalam pemeliharaan Hajjah Wan Zabidah yang dijaga dan diawasi oleh bapanya Wan Abdul Aziz.

Di dalam kes itu Badan Pengadilan menyebel oleh kerana Wan Anita Kartini telah duduk bersama Hajjah Wan Zabidah ibu kepada Wan Abdul Aziz lebih daripada dua tahun setengah, iaitu satu tempoh yang dipercayai menjadikan Wan Anita Kartini

telah bernesraan penuh dengan neneknya Hajjah Wan Zabidah, maka dengan berdasarkan kepada keadaan yang tersebut Jemaah Pengadilan percaya akan terensit jiwa hati Wan Anita Kartini kalau dipisahkan dari neneknya Hajjah Wan Zabidah.

Dalam kes yang kedua bapa itu, Wan Abdul Aziz, telah memohon mendapat hak jagaan anaknya, Wan Halimatul Tasma, yang pada masa itu berumur sembilan tahun. Ibunya pada masa itu telah berkahwin semula. Mahkamah Kadi telah menolak tuntutan itu dan berkata:—

"Menurut kenyataan kena dakwa dan diakui oleh mendakwa ternyata bahawa Wan Halimatul Tasma telah mulai menetap duduk di bawah jagaan dan pengawasan ibunya Siti Aishah di dalam peliharaan dan asuhan Hajjah Wan Jah (nenek sebelah ibu) dan setelah menetap kira-kira tiga tahun lebih dituntut oleh bapanya Wan Abdul Aziz iaitu satu tempoh yang dipercayai juga menjadikan Wan Halimatul Tasma telah bernesraan penuh dengan neneknya Hajjah Wan Jah, maka dengan berdasarkan kepada keadaan yang tersebut saya percaya akan tersentuh jiwa hati Wan Halimatul Tasma kalau dipisahkan dari neneknya Hajjah Wan Jah, tambah-tambah lagi Wan Halimatul Tasma sendiri telah memilih menetapkan di bawah peliharaan neneknya di (sebelah ibu). Rayuan kepada Jemaah Pengadilan telah ditolak."

Di zaman Kerajaan Melayu di Malaysia Mahkamah Syariah menjadi mahkamah yang membicarakan kes-kes dengan rayuan dibuat kepada Raja. Sebagai contoh di Terengganu terdapat tiga buah Mahkamah: Mahkamah Balai, Mahkamah Hakim dan Mahkamah Syariah. Rayuan dibuat kepada Mahkamah Rayuan yang dipengerusikan oleh Sultan. Kemudian apabila pengaruh British berkes di negeri-negeri Melayu, kuasa Mahkamah Syariah telah diambilalih oleh Mahkamah Hakim dan Mahkamah Majistret yang ditubuhkan dengan nasihat British. Kuasa Mahkamah Syariah telah dihadkan kepada kes-kes mengenai undang-undang keluarga dan kesalahan yang boleh dihukum dengan denda. Di negeri-negeri Melayu Bersekutu diadakan susunan Mahkamah seperti berikut:—

- Mahkamah Agung, iaitu Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Hakim
- Mahkamah Majistret Kelas Pertama
- Mahkamah Majistret Kelas Kedua
- Mahkamah Kadi dan Naib Kadi
- Mahkamah Penghulu.

Di negeri-negeri Melayu yang tidak bersekutu, iaitu Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu diadakan susunan Mahkamah yang seakan-akan sama.

Apabila Merdeka tercapai dan Persekutuan Tanah Melayu wujud, Mahkamah Syariah tidak lagi dianggap sebagai Mahkamah Persekutuan dan tarafnya telah ditukar menjadi Mahkamah Negeri. Di dalam Perlembagaan Persekutuan, kuasa kehakiman di peringkat Persekutuan diletakkan kepada Mahkamah Agung (dulunya Mahkamah Persekutuan), Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah iaitu Mahkamah Seksyen, Mahkamah Majistret dan Mahkamah Penghulu. Kuasa diberi kepada tiap-tiap negeri mengadakan Mahkamah Syariah, akan tetapi kuasa Mahkamah Syariah telah disekat. Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidang kuasa terhadap orang-orang Islam sahaja dan di dalam perkara berhubung dengan undang-undang keluarga Islam. Kuasanya mengenai kes-kes jenayah pula diberi mengikut undang-undang Persekutuan, iaitu Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965, yang mana pada mulanya hanya memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah membicarakan kes-kes yang boleh dihukum dengan penjara tidak lebih satu tahun dan denda tidak lebih \$1000/- atau kedua-duanya.

Nyatalah Mahkamah Syariah mempunyai kedudukan yang rendah jika dibandingkan dengan Mahkamah-Mahkamah Awam. Ada Mahkamah Syariah yang tidak mempunyai bangunan mahkamah yang sesuai dan kebanyakannya tidak mempunyai pegawai yang layak dan mencukupi. Kadi-kadi, sungguhpun sebahagian mereka mempunyai ijazah dari Universiti Al-Azhar atau Universiti tempatan, tidak diberi taraf profesional dan oleh kerana itu siswa yang lulus dari Universiti tidak minat menjadi Kadi. Rendahnya kedudukan Mahkamah Syariah jelas didapati daripada peruntukan yang terdapat di beberapa negeri bahawa enakmen pentadbiran undang-undang Islam tidak menjejaskan bidang kuasa Mahkamah Awam dan jika terdapat percanggahan antara keputusan Mahkamah Syariah dan keputusan Mahkamah Awam, keputusan Mahkamah Awam yang mengatasinya.

Peraturan mengenai acara dan keterangan tidak dijelaskan dan apa yang diadakan sebagai peraturan hanya mengikut acara dan keterangan di Mahkamah Awam yang mana adakalanya berlawanan dengan Hukum Syarak. Oleh kerana itu tidak ada peraturan yang mengikat Mahkamah Syariah itu.

Sistem rayuan pun tidak kemas sungguhpun rayuan boleh dibuat kepada jawatankuasa yang dipilih daripada beberapa orang yang dilantik oleh Raja. Tidak ada sistem laporan kes-kes yang boleh memberi pedoman dan tunjuk ajar kepada Kadi. Mahkamah Awam termasuk Mahkamah Agung tidak mempunyai kuasa terhadap Mahkamah Syariah, kecuali adakala membatalkan keputusannya apabila Mahkamah Syariah itu keluar dari bidang kuasanya.

Langkah telah diambil baru-baru ini untuk meningkatkan taraf dan kedudukan Mahkamah Syariah dan Hakim-hakimnya juga memperkemaskan susunan Mahkamah Syariah. Selepas perkara-perkara itu dikaji oleh sebuah Jawatankuasa Petugas telah dipersetujui bahawa Mahkamah Syariah hendaklah diasingkan dari Pentadbiran Majlis Ugama Islam dan Jabatan Ugama Islam dan Hakim dan Pegawai Mahkamah Syariah diberi kedudukan istimewa di dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Syariah. Di Negeri Kedah, enakmen Syariah 1983 telah menyusun semula Mahkamah Syariah di dua peringkat iaitu Mahkamah Kadi dan Mahkamah Rayuan. Mahkamah Kadi diketuai oleh Kadi bagi daerah yang ditetapkan. Mahkamah Rayuan mengandungi Kadi Besar, tiga orang Timbalan Kadi Besar dan tiga orang yang dilantik oleh Raja. Tiap-tiap persidangan Mahkamah Rayuan, hendaklah dibicara dan diputuskan oleh sekurang-kurangnya seorang Kadi Besar, seorang Timbalan Kadi Besar dan seorang yang dilantik oleh Raja itu.

Di Wilayah Persekutuan telah dicadangkan diadakan tiga peringkat Mahkamah Syariah — Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syarie dan Mahkamah Rayuan Syarie. Mahkamah Rendah Syariah diketuai oleh Yang Dipertua, yang dilantik dari Pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Syariah oleh Yang Dipertuan Agong atas nasihat Hakim Besar Syarie. Mahkamah Tinggi dianggotai oleh Hakim Besar Syarie dan Hakim Syarie. Hakim Syarie dilantik oleh Yang Dipertuan Agong atas nasihat Menteri, selepas berunding dengan Presiden, Mahkamah Rayuan Syarie dan (untuk Hakim) Hakim Besar Syarie. Seorang layak dilantik sebagai Hakim jika ia telah berkhidmat untuk masa 10 tahun atau lebih sebagai Pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan atau sebagai Peguam Syarie. Mahkamah Rayuan Syarie mempunyai Presiden dan Hakim Rayuan dan tiap-tiap persidangannya hendaklah dibicara dan diputuskan oleh sekurang-kurangnya tiga orang Hakim.

Satu cadangan telah juga dibuat untuk mengadakan Mahkamah Rayuan Syarie di

peringkat Persekutuan dan tidak di peringkat negeri. Apabila rayuan dibuat dari Mahkamah Tinggi Syarie rayuan itu hendaklah dibuat kepada Raja negeri yang berkenaan atau jika negeri tidak mempunyai Raja kepada Yang Dipertuan Agong. Kemudian Yang Dipertuan Agong atau Raja akan merujukkan rayuan itu kepada Mahkamah Rayuan Syarie dan Mahkamah Rayuan Syarie kemudian memberi nasihatnya kepada Yang Dipertuan Agong atau Raja. Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syarie boleh pula dipilih dari orang-orang yang layak dari negeri-negeri di Malaysia.

Bidang kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia telah ditambah baru-baru ini dengan pindaan yang dibuat kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah), 1964. Dengan pindaan yang dibuat pada tahun 1984 bidang kuasa Mahkamah Syarie diluaskan dengan membenarkan mahkamah tersebut membicarakan kes-kes yang boleh dihukum dengan hukuman penjara sehingga tiga tahun atau apa-apa denda sehingga \$5,000/- atau sebat enam rotan atau gabungan hukuman itu. Mahkamah Syariah di Malaysia belum boleh menjatuhkan hukuman hudud atau qisas.

Supaya hakim-hakim Mahkamah Syariah dapat mengendalikan kes-kes yang dibicarakan di hadapan mereka dengan adil dan teratur, adalah perlu bagi mereka mempunyai kelayakan yang mencukupi serta latihan yang sempurna. Di Malaysia satu usaha telah dijalankan untuk memperbaiki kedudukan Kadi-Kadi serta kebolehan mereka supaya mereka lebih yakin kepada diri mereka dan tidak lagi merasa diri mereka kecil atau rendah. Untuk tujuan ini, satu kursus telah dimulakan di Universiti Islam Antarabangsa. Dalam hal ini, Malaysia perlu mempelajari dari pengalaman negara-negara lain umpamanya dari institusi-institusi latihan ikhtisas yang ada di Pakistan atau Institut Pentadbiran Kehakiman di Kaherah, Mesir.

Hakim berkelayakan

Jika Undang-Undang Islam hendak ditadbirkan serta diperkembangkan oleh para hakim, kita mestilah mempunyai hakim-hakim yang berkelayakan, cekap dan berkebolehan. Kita sama-sama menunggu suatu masa di mana semua hakim-hakim Mahkamah Syariah kita mahir dalam Undang-Undang Islam serta berupaya membuat rujukan kepada sumber-sumber asal dalam Bahasa Arab. Kita juga perlu menjalin hubungan yang rapat dengan negara-negara Islam yang lain supaya dapat kita bertukar laporan-laporan kes keputusan mahkamah yang dengan itu dapat membantu menambah ilmu sesama kita sambil berusaha mempertingkatkan syiar Islam dan Syariah.

Umar, Khalifah kedua, pernah bertulis kepada seorang Kadi, Abu Musa al-Ashaari, yang maksudnya:— "Percibaraan hendaklah dijalankan berdasarkan kepada Al-Quran dan Sunah. Yang pertama hendaklah memahami apakah yang dikemukakan kepadamu sebelum apa-apa keputusan dibuat. Layanannya sama rata yang sepenuhnya kepada semua pihak yang membuat guaman di hadapanmu dan dalam cara kamu memandang mereka juga dalam hukuman yang kamu tetapkan. Dengan cara itu seorang yang berpangkat tinggi tidak berpeluang menaruh harapan kepadamu untuk menjadi seorang yang tidak adil dan seorang yang lemah pula tidak hilang kepercayaan kepada keadilanmu. Tugas untuk membuktikan adalah menjadi tanggungjawab pihak yang menuntut dan sumpah dikenakan atas pihak yang ingkar. Perdamaian merupakan hak kedua-dua pihak yang membuat guaman, kecuali ianya membenarkan sesuatu yang ditegah atau menegah sesuatu yang dibenarkan oleh Islam. Fahaman yang jelas kepada setiap kes yang dibawa ke hadapanmu dalam perkara-perkara yang tidak ada nas dari Al-Quran dan Sunah. Tugas kamu ialah menggunakan kaedah qiyas atau perbandingan bagi tujuan memisahkan di antara perkara yang ada persamaan dengan yang tidak ada persamaan, kemudian cubalah sedaya

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV

MINGGU INI

HARI RABU 14 JANUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 THE ELECTRIC COMPANY (Episod terakhir)
5.00 THE WORLD OF SURVIVAL: "Rise And Fall Of Elephant Mars"
5.25 MAGICAL WORLD OF GIGI
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 THE MAGICAL WORLD OF GIGI — sambungan
5.55 SILVER SPOON
6.20 TUNAS BIMBINGAN (Episod terakhir)
6.25 AZAN MAGHRIB
6.31 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNYA
6.41 TUNAS BIMBINGAN — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
7.17 SCARECROW AND MRS KING: "Reach For The Sky"
Kemati seorang teman tuannya bank membuat ketua agen Billy Melrose mengusahakan pendapatnya sendiri untuk membuktikan bahawa tuannya bank itu telah dibunuh. Dalam usaha mencari pembunuhnya, Billy merasa begitu bertenaga dan rahsia sindiket pembunuhan siapa yang telah merancang untuk merompak berlakunya dolar dan tiada siapa yang dapat menghalang mereka kecuali Billy.
7.42 SCARECROW AND MRS KING — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 ADUNIKA
9.55 YES PRIME MINISTER: "The Ministerial Broadcast"
10.30 EMBASSY SNOOKER Bhg. III
10.50 DYNASTY: "The Cry"
Blake telah ditipu dengan meminjam wang dari Alexis, Jackie kembali ke rumah dengan berita yang memeranjatkan, Blake mengetahui pengenalanan seorang wanita yang boleh menyelamatkan nama baiknya, sementara Amanda berniat untuk membunuh diri setelah tidak dihiraukan oleh keluarganya dan dicela oleh pemberita.
11.40 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN

HARI KHAMIS 15 JANUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.25 THE JETSON
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 HARAPAN DAN BIMBINGAN
6.05 THE ART CHEST: "Fold Painting" (Episod terakhir)
6.15 PINK PANTHER AND SONS
6.26 AZAN MAGHRIB
6.32 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNYA
6.42 PINK PANTHER AND SONS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
7.17 THE FALL GUY: "Miami Nice"
Colt, Jody dan Howie kini berada di Miami untuk menghadiri pertandingan Miss Stuntwoman U.S.A. apabila Cara Domingo, datang mendapatkan Colt. Dia mengikuti jejak Fred yang dikatakan menginap di sebuah hotel dan apabila sampai di sana, Colt mendapatinnya mati.

- 7.40 AZAN ISYAK
7.43 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 HIDAYAT
9.20 DUNIA MINGGU INI
9.50 HARDCASTLE AND McCOR. MICK: "Something's Going On On This Train"
10.40 CHECK IT OUT: "Supermarket Super Bowl"
11.05 TAYANGAN GAMBAR: "Ice Station Zebra"
12.35 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI JUMAAT 16 JANUARI

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH UGAMA
12.25 HIDAYAT (ulangan)
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
12.48 HIDAYAT — sambungan
12.55 MUTIARA/NADASARI

PETANG

- 1.25 THE 13 GHOSTS OF SCOOBY DOO: "Ship Of Ghouls"
1.50 ITALIAN FOOTBALL
2.40 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
3.05 ANDY ROBSON: "Unwillingly To School"
3.30 AL-KISAH: "Semut Dengan Punai"
3.45 BENSON: "Friends And Enemies"
3.53 AZAN ASAR
3.56 BENSON — sambungan
4.15 SUPER SPACE THEATRE: "Alien Attack" Bhg 1
5.05 TRADITIONAL MEDICINE IN AFRICA: "Healing And Scientific Evaluation"
5.35 CHOCKY'S CHALLENGE (Siri baru)
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 CHOCKY'S CHALLENGE — sambungan
6.00 THE GALTAR AND THE GOLD-EN LANCE (Episod terakhir)
6.20 MARI BERSAMAKU
6.26 AZAN MAGHRIB
6.32 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNYA
6.42 MARI BERSAMAKU — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
7.17 DRAMA TEMPATAN: "Yanti Anak Abah"
7.40 AZAN ISYAK
7.43 DRAMA TEMPATAN — sambungan
7.45 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 DOCUMENTARY: "Hypothetical: Nuclear Accident"
11.10 HOLLYWOOD BEAT: "Green Heat"
11.55 KNOTS LANDING: "Longest Day" (Siri baru)
12.45 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI SABTU 17 JANUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 THE LAST FRONTIER: "To Save A Whale"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 THE LAST FRONTIER — sambungan
6.00 VALERIE

- 6.20 THUNDERCATS
6.27 AZAN MAGHRIB
6.33 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNYA
6.43 THUNDERCATS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
7.17 THE EQUALIZER: "Mama's Boy"
Apabila seorang ibu mendapati bahawa anak lakinya yang berusia belasan tahun menjadi pengedar dadah, ia meminta pertolongan Equalizer.
7.40 AZAN ISYAK
7.43 THE EQUALIZER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 BINTANG UNDANGAN (SBC)
10.05 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Roda-Roda Gila"
11.40 FALCON CREST: "Consumed"
12.30 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI AHAD 18 JANUARI

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.18 THIS WEEK'S MUSIC
12.33 AZAN ZUHUR
12.36 THIS WEEK'S MUSIC — sambungan

PETANG

- 1.05 CRAZY LIKE A FOX
"Fox And The Wolf"
1.55 TAYANGAN GAMBAR: "Posse"
3.30 CHALLENGE OF THE GOBOTS: "Quest For New Earth"
3.54 AZAN ASAR
3.57 SHERA PRINCESS OF POWER
4.30 DRAMA TEMPATAN: "Yanti Anak Abah" (ulangan)
5.10 ROAD TO WEMBLEY
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 ROAD TO WEMBLEY — sambungan
6.05 THE WIND IN THEIR HANDS
6.20 WHO'S THE BOSS: "Hunk Of The Month"
6.27 AZAN MAGHRIB
6.33 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNYA
6.43 WHO'S THE BOSS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
7.17 OUR HOUSE
7.41 AZAN ISYAK
7.44 OUR HOUSE — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 MARI MEMASAK: "Ikan Panggang Santan"
(Resepi masakan ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini)
9.15 HIBURAN TEMPATAN: Dendang Juara
10.00 THREE'S COMPANY: "Breaking Up Is Hard To Do"
10.30 THE CHALLENGE
11.20 ALFRED HITCHCOCK
11.55 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI ISNIN 19 JANUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 ADVENTURES OF THE GUMNI BEARS (Episod terakhir)
4.55 FRAGGLE ROCK
5.20 NATIONAL GEOGRAPHIC EXPLORER

- 5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 THE COSBY SHOW: "The March"
6.15 KUIZ RIA
6.27 AZAN MAGHRIB
6.33 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNYA
6.43 KUIZ RIA — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
7.17 THE A TEAM: "Wheel Of Fortune"
7.41 AZAN ISYAK
7.44 THE A TEAM — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 LIPUTAN NASIONAL
9.20 BELIA
9.50 GIVE US A CLUE
10.10 TAYANGAN GAMBAR: "A Case Of Deadly Force"
Seorang lelaki berkulit hitam telah ditembak di lorong Boston. Dua orang mata-mata berkulit putih mendakwa bahawa lelaki berkulit hitam tersebut hendak membunuh mereka. Seorang bekas polis yang kini menjadi pegambela dengan begitu berani menentang Jabatan Polis Boston untuk membuktikan bahawa lelaki berkulit hitam yang ditambah itu tidak berdo.
11.40 MUSICAL
12.10 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI SELASA 20 JANUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 THE KIDS FROM 47A: "The Big Break Up"
Suatu tragedi yang menyedihkan telah berlaku dalam keluarga ini apabila emak mereka meninggal dunia. Budak-budak 47A kini terpaksa berdi-lari sepenuhnya. Mereka menentang usaha pegawai kebajikan untuk memelihara mereka. Dan akhirnya mereka berjaya mempertahankan diri dan mereka dibenarkan hidup sendiri.
4.55 NATURE WATCH
5.20 MICKEY AND DONALD
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 MARI MEMASAK: "Ikan Panggang Santan" (ulangan)
6.15 CHARLES IN CHARGE: "Fend For Thought"
6.28 AZAN MAGHRIB
6.34 AL-QURAN DAN KESIMPULAN MAKNYA
6.44 CHARLES IN CHARGE — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGERIS
7.17 AIRWOLF: "And A Child Shall Head"
Stringfellow Hawke mengemulai usaha mencari seorang perka aircraft yang berkaliber bersama anaknya. Usaha-usaha mereka hampir menemui buntu.
7.41 AZAN ISYAK
7.44 AIRWOLF — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.40 BIMBINGAN ISLAM
8.50 REKASENI
9.20 ARENA SUKAN
10.20 FULL HOUSE: "The Mating Game"
10.50 THE COLBY'S: "Anniversary Waltz"
11.30 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

RADIO DENGAN KERJA-KERJA AMAL YANG BERKEBAJIKAN

AWAL tahun 1987 ini Perkhidmatan Radio Brunei terus memulakan lambaran tahun baru dengan melancarkan satu projek yang amat berkebakikan kepada seluruh masyarakat di negara ini. Projek tersebut dikenali sebagai 'Rancangan Lagu-Lagu Permintaan Derma Tabung-Tabung Kebajikan 1987.'

Rancangan Lagu-Lagu Permintaan Derma Tabung-Tabung Kebajikan 1987 ini sebenarnya adalah merupakan salah satu projek terbesar 'Tahun Kebajikan Kebangsaan', yang telah dilancarkan pembukaannya pada penghujung tahun 1986 yang baru lalu. Ini adalah bersempena dengan kehendak 'Tahun Perdamaian Antarabangsa (International Year Of Peace — 1986)' yang diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Projek Tahun Kebajikan Kebangsaan ini pula dikendalikan bersama oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, di Jabatan Perdana Menteri, dan Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Sempena dengan sambutan Tahun Kebajikan Kebangsaan ini satu tema yang bertepatan dengan kehendak projek tersebut telah dipilih. Tema tersebut berbunyi 'KEBAJIKAN LAMBANG KEMANUSIAAN.'

Sebagai media siaran elektronik yang agak matang usianya di negara ini, Perkhidmatan Radio Brunei memang sudah tidak asing lagi mengendalikan berbagai-bagai projek yang berfaedah kepada masyarakat dan

negara. Di samping memberikan hiburan-hiburan, maklumat-maklumat dan berbagai-bagai bentuk pendidikan, Radio Brunei juga berkesempatan menyumbangkan kerja-kerja amal yang berkebakikan kepada masyarakat di negara ini.

Rancangan Lagu-Lagu Permintaan Derma Tabung-Tabung Kebajikan 1987 yang akan dilancarkan ini, sekaligus dikendalikan oleh ketiga-tiga bahagian Perkhidmatan Radio Brunei yang terdiri daripada Bahagian Melayu, Bahagian Inggeris dan juga Bahagian Tionghwa, Jabatan Penyiaran dan Penerangan. Bentuk rancangan lagu-lagu permintaan ini boleh dipohonkan dalam dua cara, iaitu sama ada menerusi permintaan kad ataupun surat, dan cara yang satu lagi ialah menghubungi terus dengan telefon No. 20323 ataupun 20322.

Orang ramai yang berminat untuk menyertainya dipersilakan berhubung terus kepada:

Pengelola Lagu-Lagu Permintaan
Derma Tabung-Tabung Kebajikan 1987,
Peti Surat 6000,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Ataupun ke nombor telefon 43111 sambungan 252 (Bahagian Melayu) 240 (Bahagian Inggeris dan 242 Bahagian Tionghwa).

Esok, hari Khamis 15 Januari 1987, adalah merupakan tarikh pembukaan kepada orang ramai untuk menyertai rancangan khas 'Lagu-Lagu Permintaan Derma Tabung-Tabung Kebajikan 1987' ini. Di samping awda berhibur dengan lagu-lagu permintaan kesukaan awda sendiri, janganlah pula lupa menghulurkan sumbangan derma berupa wang ringgit kepada 'Tabung-Tabung Kebajikan 1987'. Derma ikhlas daripada awda semua adalah merupakan sumbangan yang bererti, dan akan sentiasa tercatat di dalam ingatan kami — pihak Perkhidmatan Radio Brunei khasnya, dan masyarakat yang kurang bernasib baik umumnya.

Sehubungan dengan ini pihak yang berkenaan akan menyusun tarikh dan waktu 'Rancangan Lagu-Lagu Permintaan Derma Tabung-Tabung Kebajikan 1987' ini ke udara, bagi mendampingi pendengaran awda di mana-mana sahaja berada adalah bermula pada 1 Februari 1987, sehingga 7 Jun 1987. Selama tiga bulan dua minggu ini nanti awda sentiasa diberikan peluang berhibur, berkomunikasi dengan kami sama ada menggunakan surat ataupun telefon. Di samping itu pula derma ikhlas wang ringgit daripada awda, kirimanlah terus ke alamat yang dinyatakan di atas tadi.

Harapan kami kepada awda semua — **BERHIBURLAH Sambil BERAMAL.**

Sandiwara Radio:

"Lambaian Bunga"

SANDIWARA Radio Minggu ini berjudul **LAMBAIAN BUNGA**, tulisan Mohd Hairol Azmi, Brunei.

Ketenangan tidak semestinya diperolehi apabila seseorang itu telah mendapat kemewahan hidup. Perkara inilah yang tidak disedari oleh Shamsul apabila ia merasa bosan tinggal di kampungnya dan ingin berhijrah ke kota seperti yang dilakukan oleh teman-temannya yang kini kelihatan mewah.

Pemergiannya bermakna ia terpaksa meninggalkan Tini, adiknya yang buta dan Rina sepupunya yang juga menjadi kekasihnya. Baginya, semua ini terpaksa dilakukannya demi untuk mengubah nasib.

Setelah berada di bandar, Shamsul bekerja di syarikat kepunyaan ayah Maria. Kebetulan pula ayah Maria memang mencari seorang lelaki yang boleh dipercayai untuk menguruskan perniagaannya.

Selama berada di bandar, Shamsul tidak pernah lupa untuk mengirimkan berita kepada adiknya di kampung. Semua urusan pos termasuk surat-surat persendirian dikendalikan oleh Maria.

Pandangan Shamsul terhadap kehidupan kota mulai berubah bila satu kejadian buruk menimpa Maria dan ayahnya, yang juga secara tidak langsung melibatkan dirinya. Di saat itulah ia mulai teringat semula hendak pulang ke kampung halaman dan berazam hendak menetap terus di sana.

Orang yang pertama ditemuinya setelah berada di kampung ialah Rina. Melalui Rina ia mengetahui yang surat-surat yang dikirimkannya selama ini tidak pernah mereka terima. Apakah yang menyebabkan perkara ini terjadi? Silalah ikuti siarannya nanti pada hari Ahad 18 Januari, 1987 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dayang Jamilah Abdullah.

Tetamu Radio

RANCANGAN Tetamu Radio pada hari Ahad yang lalu telah diisi dengan temubual Hj Bahmin Hj Hamdan bersama T. Lathah. Kepada awda yang tidak berkesempatan mengikuti siaran asal, jangan lupa untuk mengikuti ulangannya pada hari ini Rabu, jam 2.00 petang (gambar atas sekali).

Sementara itu pada hari Ahad 18 Januari ini, rancangan tersebut akan diisi dengan temubual Jamilah Abdullah bersama penyanyi dan pelakon yang tidak asing lagi iaitu Hail Amir (gambar atas).

Mari Memasak:

Ikan Panggang Santan

BAHAN-BAHANNYA:

- 1 ekor ikan sanangin
- 2 cawan santan pekat
- 2 inci lengkuas
- 2 batang serai
- 1 sudu gula merah
- 2 sudu makan air asam
- 1 ikat daun salat
- garam secukup rasa
- 10 biji lada hidup *
- 3 ulas bawang putih *
- 8 biji bawang merah *
- 1 sudu ketumbar *
- 5 biji buah keras *
- 5 inci halia *
- 2 inci kunyit *
- sedikit serbuk perasa *

* : Bahan-bahan untuk digiling.

CARA MEMASAKNYA:—

Rendam ikan dalam air garam selama lima minit dan toskan. Campurkan rempah-rempah yang digiling dengan santan, serai, gula merah, garam dan serbuk perasa secukupnya.

Masukkan bahan-bahan tadi ke dalam periok, masaklah sampai mendidih dan kacaulah sehingga pekat, lepas itu masukkan air asam dan angkat. Sediakan dulang untuk memanggang ikan. Sesudah sedia tuangkan ikan ke dalam dulang dengan kuahnya sekali, pangganglah sampai masak. Setelah masak, angkat dan hias dengan daun salat dan tomato.

Alam Remaja

SUDUT Remaja minggu ini akan dimuatkan dengan lagu-lagu persembahan dari Norhabibah Hj Mohammad.

Norhabibah sebelum ini pernah menyertai Bintang Remaja anjuran Radio Televisyen Brunei dan sering mendapat undangan menyertai rancangan hiburan Televisyen. Norhabibah akan bersama awda pada hari Isnin 19 Januari jam 4.00 petang.



BERKHIDMATLAH KEPADA NEGARA

CEBURILAH KERJAYA TENTERA
SEBAGAI PEMIMPIN

*SATERIA GAGAH
HARAPAN NEGARA*



ANGKATAN
BERSENJATA
DIRAJA
BRUNEI

Mempelawa pemohon-pemohon
untuk bakal-bakal pegawai
di Tentera Darat, Laut dan
Udara. Ketiga-tiga kerjaya ini
adalah sangat-sangat mencabar
bagi pemuda-pemuda yang
berkaliber dan berpengetahuan
tinggi



SYARAT-SYARATNYA

Untuk terpilih Awang-Awang mestilah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan seperti berikut :

1. Awang-Awang mestilah dilahirkan di Negara Brunei Darussalam dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan terdiri dari salah satu puak seperti berikut :

- | | |
|------------|-----------|
| a. Brunei | e. Dusun |
| b. Belait | f. Murut |
| c. Tutong | g. Bisaya |
| d. Kedayan | |

2. Awang-Awang mestilah lulus sekurang-kurangnya 4 (empat) mata pelajaran Peringkat 'O' atau kelulusan yang sebanding dengannya, dan hendaklah lulus Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Sains, Fizik dan mata pelajaran akademik atau yang sebanding dengannya dan yang lebih tinggi akan diberi keutamaan.
3. Awang-Awang mestilah bujang, berumur 17½ hingga 25 tahun pada 22 Januari, 1987.
4. Tinggi sekurang-kurangnya 5 kaki 1 inci dan berat badan tidak kurang 105 paun, berbadan sihat.

BAGI BAKAL-BAKAL PEGAWAI KOMPENI ASKAR WANITA SYARAT-SYARATNYA :

- a. Dayang-Dayang mestilah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b. Mestilah lulus 4 mata pelajaran Peringkat 'O' atau yang sebanding dengannya dan kelulusan yang lebih tinggi adalah diutamakan. Dan mestilah lulus Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Sains dan Bahasa Melayu.
- c. Dayang-Dayang mestilah masih bujang dan berumur antara 17½ tahun hingga 25 tahun pada 22 Januari, 1987.
- d. Tinggi sekurang-kurangnya 4 kaki 10 inci dan berbadan sihat, berat badan tidak kurang 98 paun.



BORANG-BORANG PERMOHONAN SERTA PENERANGAN LANJUT
BOLEH DIDAPATI DARIPADA :

PEJABAT PENGAMBILAN
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
BOLKIAH GARISON
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TELEFON : 30531 SAMB. 22111/22112

BORANG-BORANG PERMOHONAN AWANG-AWANG DAN DAYANG-
DAYANG MESTILAH DIHANTAR TIDAK LEWAT HARI KHAMIS 22
JANUARI 1987.

KERJAYA TENTERA BUKAN
SAJA SALAH SATU
BIDANG KERJAYA YANG
MENJAMIN BAHKAN
MEMBERI SANJUNGAN
TERHADAP PERLINDUNGAN
DAN
KEDAULATAN NEGARA



**KERJAYA TENTERA BUKAN
SAJA SALAH SATU
BIDANG KERJAYA YANG
MENJAMIN BAHKAN
MEMBERI SANJUNGAN
TERHADAP PERLINDUNGAN
DAN
KEDAULATAN NEGARA**

ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

**MASUKILAH
KERJAYA
TENTERA**

**PERTIWI GAGAH
HARAPAN
NEGARA**



Mendaftarkan kepada
Pejabat Pengambilan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Bolkiah Garison
Negara Brunei Darussalam

Nama :

No. Kad Pengenalan : Warna :

Tarikh Lahir : Umur :

Alamat Sekarang :

Kelulusan Sekolah :

Nama Ayah/Penjaga :

No. Kad Pengenalan Warna :

Tarikh Lahir : Tempat Lahir :

Alamat Sekarang :


No. Telefon Rumah/Pejabat :

Tandatangan : Tarikh :

PENGAMBILAN YANG KE-12 SEDANG DIJALANKAN MENDAFTARLAH BERAMAI-RAMAI

SYARAT-SYARAT

- Dayang-Dayang mestilah rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Dayang-Dayang mestilah lulus Tingkatan 3 Melayu atau yang sebanding dengannya.
- Dayang-Dayang mestilah berumur $17\frac{1}{2}$ tahun hingga 25 tahun.
- Tinggi sekurang-kurangnya 4 kaki 10 inci berat badan tidak kurang 98 paun dan berbadan sihat.
- Lulus pemeriksaan perubatan dan ujian pelajaran yang diadakan oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.
- Dayang-Dayang hendaklah berasal dari salah satu puak seperti berikut: Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Murut dan Bisaya.



JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

SEBAGAI PEGAWAI LUAR

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Mempunyai lesen memandu Kelas 5 dan 11 (sebelas) dan berpengalaman memandu semua jenis kenderaan dalam merupakan satu kelebihan.

3. PEMANDU (Bilangan Kod: 066 98-505)
(Di Jabatan Lembaga Bandar Kuala Belait dan Seria, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) (Bilangan Kod: 027 98-503)

Tanggagaji: F.3-4 EB.5 — \$550-\$700 sebulan.

Kelayakan:

a) Berumur di antara 20 hingga 40 tahun serta boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu.

b) Mempunyai lesen memandu Kelas 3 dan 5 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil.

4. PEMANDU OUTBOARD TINGKAT I (Bilangan Kod: 022 98-163)

(Di Jabatan Kastam dan Eksais, Kementerian Kewangan)

Tanggagaji: F. 3-4-5 EB. 6 — \$550-790 sebulan.

Kelayakan:

a) Berumur tidak kurang dari 21 tahun serta boleh menulis dan membaca dalam bahasa Melayu.

b) Telah berkhidmat sebagai Pemandu Outboard Tingkat II tidak kurang dari 3 tahun.

c) Mempunyai tubuh badan yang sihat dan penglihatan yang baik serta lulus peperiksaan mata. Hendaklah pandai berenang.

d) Boleh memperbaiki kerosakan yang kecil ke atas motor sangkut adalah merupakan satu kelebihan.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk

bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa Catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan

permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aikan dan siji-siji kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 5 Februari, 1987.

Bilangan Pendaftaran:

161/1986.

(E/110/73)

Sebagai Pegawai Jururawat

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkecayaan untuk dilantik sebagai PEGAWAI JURURAWAT (PERBIDANAN) di Jabatan Perkhidmatan Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Kod: 062 07-311

Tanggagaji: M.11—\$1920-2015 2110 2205 2305 2395 2490 2585 2685 2775/EB/2870 2965 3060 3155 3250 sebulan.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

a) Jururawat berdaftar Negara (SRN) atau yang sebanding dengannya.

b) Bidan bersijil Negara (SCM) atau yang sebanding dengannya.

c) Diploma dalam Kursus Pelajar Perbidanan.

d) Mempunyai pengalaman sebagai Pengajar Perbidanan tidak kurang dari 2 tahun selepas mendapat kelayakan dari Sekolah Perbidanan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

e) Boleh mengajar dalam Bahasa Perakapan Melayu adalah satu kelebihan.

f) Berumur di antara 35 hingga 50 tahun.

Tugas-tugas:

i) Mengajar di bilik darjah dan klinik bagi bidan-bidan pelatih dalam Latihan Perbidanan Bahagian I dan II.

ii) Menyediakan sukatan pelajaran dan jadual harian bagi Latihan Bidan-bidan Pelatih.

iii) Menyusun penempatan Bidan-bidan Pelatih ke wad-wad dan daerah.

iv) Boleh membuat penilaian dan laporan kemajuan ke atas Bidan-bidan Pelatih.

v) Boleh mengatur pemeriksaan-pemeriksaan untuk peperiksaan Kemajuan Perbidanan dan Peringkat akhir bagi bahagian I dan II.

vi) Mengawas Sekolah Perbidanan jika dikehendaki dan berhubung dengan Pegawai Jururawat Kanan (Pengajar) yang mengawas Pusat Latihan Jururawat.

vii) Sanggup membuat semua tugas dan tanggungjawab yang melibatkan Sekolah Perbidanan.

Syarat-syarat Lantikan:

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkon-

trak selama tiga tahun dan pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus tahunan juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tangkapan percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baki pada kadar 25% daripada gaji setelah genap menamatkan kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Am:

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa Catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aikan dan siji-siji kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 11 Februari, 1987.

(E/328/61)

Bilangan Pendaftaran: 163/1986.

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Kod: 057 31-062
Tanggagaji: C.1-2 EB.3 — \$1280-\$2780 sebulan.

Kelayakan:

a) i) Dua mata pelajaran Pengetik Lanjutan Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ii) Berpengalaman dalam kerja-kerja luar.

ATAU

b) i) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Kerani Tingkat III, Pegawai Luar atau jawatan yang berkaitan sebanding dengannya tidak kurang dari 7 tahun dengan tugas-tugas seperti berikut:

- * Membantu Pegawai Luar Kemajuan Perumahan membuat kerja-kerja Rancangan Perumahan.
- * Membantu Pegawai Luar Kemajuan Perumahan membuat kerja-kerja Perhubungan Awam.

ii) Berpengalaman dan berkebolehan yang mendalam dalam kerja-kerja luar.

Tarikh tutup: 9 Februari, 1987.

(E/191/78)

Bilangan Pendaftaran: 162/1986.

PEMBERITAHUAN TAWARAN, JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

(a) Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

ATAU

(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Beraikan, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengesahan tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: JKR KB 1 TAHUN 1987

TAWARAN-Tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas AA untuk:

PROJEK No.: 514/1401
PEMBINAAN 1 BLOK X 4 UNIT FLAT KELAS C DAN 1 BLOK X 12 UNIT BARIK KELAMIN PEJABAT PERHUTANAN, SUNGAI LIANG.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 22 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 26 Januari, 1987.
Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN RANCANGAN P 2173

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Kelas "A", B atau C yang berdaftar dengan Jabatan Telekom.

2. Tawaran adalah bagi Construction of Outside Plant for Land for Landless and Labour Lines Scheme—Seria.

3. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 26 Januari, 1987.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda: "Tender for Construction of Outside Plant for Land for Landless and Labour Lines Scheme—Seria: P 2173".

5. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari opis Pengarah Telekom, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan,

Negara Brunei Darussalam dengan cagaran tawaran sebanyak \$500.00 yang akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang tidak berjaya nanti. Cagaran tawaran akan menjadi hak milik Kerajaan bagi pemborong yang gagal menghantar sebarang tawaran.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

7. Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan/pembiinan adalah satu syarat yang memastikan bagi tawaran dan bakal pemborong-pemborong pada jam 9.30 pagi hari Rabu 14 Januari, 1987 di Ibu-sawat Telekom, Seria. Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemborong-pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama tempat pemasangan/pembiinan yang telah ditetapkan.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikutan di dalam Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMBANTU PENYELIDIK

(Bilangan Kod: 105 19 — 295)

(Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri)

Tanggagaji: D.1-2-3 EB.4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa sekurang-kurangnya satu (1) mata pelajaran.
- Boleh bertutur dan menulis serta mempunyai pengetahuan Bahasa Inggeris dengan baik.

- Mempunyai bakat dan kecenderungan dalam kerja-kerja penyelidikan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Membantu Pegawai Diplomatik dalam menyemak maklumat-maklumat penting dari sumber-sumber pembacaan seperti surat-khabar, majalah, majalah dan lain-lain.

2. PENGAWAS KESELAMATAN

(Bilangan Kod: 062 58 — 962)

(Di Jabatan Perkhidmatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan)

Tanggagaji: D.3-4 EB. 5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya.
- Berpengalaman dalam kerja-kerja Hal Ehwal Keselamatan tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

- Telah berkhidmat dalam pasukan keselamatan tidak kurang dari 3 tahun.

- Fasih berbahasa Melayu dan Inggeris.

3. KERANI POS

(Bilangan Kod: 074 39 — 935)

(Di Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Perhubungan)

Tanggagaji: D.3 EB.4-5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- 2 mata pelajaran Peringkat Lanjutan dan 3 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

- 4 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

- Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- Sedang dan telah berkhidmat dengan Jabatan Kerajaan termasuk Jabatan Perkhidmatan Pos tidak kurang 8 tahun dalam Bahagian IV.

- Pernah mengikuti kursus mengenai perkhidmatan pos di luar negeri.

- Mempunyai perkhidmatan yang memuaskan.

ATAU

- Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

- Sedang dan telah berkhidmat dengan Jabatan Perkhidmatan Pos tidak kurang dari 4 tahun.

- Pernah mengikuti kursus mengenai perkhidmatan pos di luar negeri.

- Mempunyai perkhidmatan yang memuaskan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Menjalankan kerja-kerja

perkeranian pos di Bahagian-Bahagian Kaunter, Bungkus-an, Mel, Kewangan, Perkhidmatan Khas, Filatelik, Pejabat-Pejabat Pos Cawangan dan lain-lain lagi.

4. PEMBANTU MAKMAL

(Bilangan Kod: 036 05 — 437)

(Di Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji: D.1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- Satu (1) mata pelajaran Sains Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU

- Sijil Rendah Pelajaran Brunei (termasuk mata pelajaran Sains) atau sebanding dengannya.

- Berpengalaman dalam kerja-kerja makmal boleh juga dipertimbangkan.

- Umur di antara 18 hingga 25 tahun.

5. PENOLONG PENELITIAN

(Bilangan Kod: 082 39 — 996)

(Di Jabatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji: D.4 EB. 5-6 — \$1225-\$1785 sebulan.

Kelayakan:

- 2 mata pelajaran Peringkat Lanjutan dan 3 mata pelajaran Peringkat Biasa (termasuk mata pelajaran Matematik) Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

- Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

- Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 5 tahun.

- Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan fasih merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Bertanggungjawab kepada Penolong Perangkaan bagi mencatat dan menganalisa segala keputusan-keputusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan juga jawatankuasa Latihan dalam Perkhidmatan untuk menyediakan perangkaan dan kajian.

6. PEMBANTU JURULATIH MUZIK

(Bilangan Kod: 106 17 — 196)

(Di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji: D.3 EB. 4-5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- Diploma/Certificate dalam bidang muzik.

ATAU

- Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya serta berpengalaman luas dalam bermain muzik

dalam kumpulan panca-ragam atau yang sebanding dengannya tidak kurang dari 5 tahun.

- Kelulusan ikhtisas dalam bidang seni muzik akan diberi keutamaan.

- Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

- Boleh membaca nota muzik, kebolehan menyalin dan menyusun muzik merupakan satu kelebihan.

- Mestilah boleh bermain salah satu alat muzik dalam kategori seperti di bawah:—

- String (seperti biola)

- Percussions (seperti drum)

- Trumpet

- Piano

- Guitar

- Calon-calun akan diuji secara teori dan praktikal jika perlu.

- Umur di antara 25 hingga 45 tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- Membantu Jurulatih Muzik untuk mengelola Unit Muzik.

- Melatih pemuzik-pemuzik serta ahli-ahli Kebudayaan bermain alat-alat muzik dan yang berkaitan dengannya.

- Menyediakan jadual waktu serta keperluan-keperluan latihan.

- Mengawas keselamatan dan kesempurnaan alat-alat serta perkakas muzik.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan permohonan ini satu salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 14 Februari, 1987.

(Bilangan Pendaftaran: 158/1986).

(E/1669/84)

TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT TAWARAN

- TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

- Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

ATAU

- Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
- Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.
- Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
- Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: JKR 1 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU BESAR TEMPATAN DI JABATAN KERJA RAYA, KAMPONG SINARUBAI, DAERAH BRUNEI-MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 15 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 19 Januari, 1987.

Cagaran tawaran: \$1,000.00.

BIL: JKR 2 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 86AB/009165

MEMBAIKI DAN MENCAT 2 BLOK GUDANG DAN 2 BLOK BANGUNAN KESELAMATAN DI PELABUHAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari

Khamis 15 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 19 Januari, 1987.

Cagaran tawaran: \$500.00.

BIL: JKR 464 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD501/1401

KERJA-KERJA PEMBESARAN KOMPLEKS BAJA PENYUBURAN KAMPONG JERUDONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 22 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 26 Januari, 1987.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 3 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD426/2701

PUSAT PENDIDIKAN BAGI PERKHEMAHAN PENANJONG, PERINGKAT I—KERJA-KERJA SUBSTRUKTOR—NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 2 Februari, 1987.

Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 4 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD518/0801

PASAR SUNGAI KERUN—PERINGKAT II, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12 Februari, 1987.

Tarikh tutup: 16 Februari, 1987.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 5 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/JUB006

CADANGAN SADAIAH PERAHU DI MAKAM DIRAJA BATU 1, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 31 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 4 Februari, 1987.

Cagaran tawaran: \$100.00 + \$100.00 (lukisan).

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERTAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam

1) PEMBANTU TEKNIK KANAN:

(Bilangan Kod: 030 03-992)

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji: C. 2 EB. 3 — \$1450-\$2270 sebulan.

Kelayakan:

- i) Higher National Certificate (HNC) dalam bidang Jurutera Kuasa Elektrik atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
- ii) Berpengalaman dalam pengendalian kerja-kerja di sebuah Stesen Tenaga Elektrik yang dilengkapi dengan beberapa set jentera tidak kurang 3 tahun.

ATAU

- i) Ordinary National Diploma (OND) dalam bidang Jurutera Kuasa Elektrik atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
- ii) Berpengalaman dalam bidang kerja yang berkaitan tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- i) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Pembantu Teknik atau jawatan yang sebanding tidak kurang dari 10 tahun.
- ii) Mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan.

2) KERANI PERAKAUNAN TINGKAT II:

(Bilangan Kod: 102 33-124)

(Di Kementerian Kewangan)

Tanggagaji: C. 1-2 EB. 3 — \$1280-\$2270 sebulan.

Kelayakan:

- i) Dua mata pelajaran di Peringkat Lanjutan dan 3 mata pelajaran di Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
- ii) Berpengalaman bekerja dalam soal-soal perakaunan tidak kurang 3 tahun.
- iii) Mempunyai kelulusan Peringkat Pertama L.C.C., R.S.A. atau yang sebanding dengannya adalah satu kelebihan.

ATAU

- i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Kerani Tingkatan III tidak kurang dari 5 tahun.
- ii) Lulus Peperiksaan Kerani-kerani Rendah.
- iii) Berpengalaman dalam bidang simpan kira dan bank.
- iv) Mempunyai kelulusan dalam Peringkat Pertama Simpan Kira dan Peraturan Pejabat Peringkat Menengah dari peperiksaan L.C.C., R.S.A. atau yang sebanding dengannya serta memiliki sijil mengikuti kursus mengendalikan Word Processor adalah satu kelebihan.

- ii) Berpengalaman dalam membuat kerja-kerja yang berkaitan dengan percukaian, stamp-duty dan mengetahui serba sedikit Akta-akta Percukaian Stamp Duty and Companies (Authorised Auditors) Rules, adalah lebih diutamakan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- Membantu Pegawai-pegawai atasannya dalam mengendalikan kerja-kerja dan penyediaan kira-kira Lembaga atau perangkaan bank-bank negara ini.
- Akan menyediakan kira-kira akhir akaun Lembaga Matawang serta mengendalikan penggunaan Computer, Word Processor dan Telex, adalah salah satu tugas utama mereka.

3) PENGAJAR KANAN: (Bilangan Kod: 098 13-285)

(Di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji: C. 3 EB. 4-5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan:

- i) Diploma/Higher Diploma Education dalam bidang perguruan atau bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
- ii) Berpengalaman mengajar orang-orang buta dan cacat.

ATAU

- i) Mempunyai Sijil perguruan atau yang sebanding dengannya.
- ii) Telah dan sedang berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang 10 tahun serta berpengalaman mengajar orang-orang buta.
- iii) Mempunyai Diploma Sarjana guru khas mengajar orang-orang buta dan cacat dari Institusi-institusi yang diiktiraf adalah merupakan satu kelebihan.

4) PEMBANTU TEKNIK KANAN:

(Bilangan Kod: 062 03-992)

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan)

Tanggagaji: C. 2 EB. 3 — \$1450-\$2270 sebulan.

Kelayakan:

- i) Higher National Certificate (HNC) / TEC Higher Certificate atau kelulusan teknikal yang diiktiraf sebanding dengannya dalam bidang elektronik elektrik.
- ii) Berpengalaman dalam bidang pemeliharaan dan pembaikan alat-alat yang berupa elektronik tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- b) Ordinary National Diploma (OND) / TEC Diploma atau kelulusan elektronik dalam bidang elektronik/elektrikal yang sebanding dengannya serta mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang kerja yang berkaitan.

ATAU

- c) i) Sedang dan telah berkhidmat dalam Bahagian IV dengan Kerajaan tidak kurang dari 5 tahun.
- ii) Berpengalaman dalam kerja Pembantu Teknik atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya dalam pemeliharaan alat-alat elektronik.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Memelihara dan membaiki sebahagian daripada alat-alat perubatan yang berupa elektronik dan elektro-medical yang akan ditetapkan oleh jurutera Perubatan Hayat Kanan.

5) PENGARANG: (Bilangan Kod: 056 15-120)

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji: C. 2 EB. 3 — \$1450-\$2270 sebulan.

Kelayakan:

- a) Diploma dalam bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan sebanding dengan Higher National Certificate (HNC).

ATAU

- i) Lulus mata pelajaran Bahasa Melayu/Kesusasteraan Melayu di Peringkat Lanjutan dan tiga mata pelajaran Peringkat Biasa (tidak termasuk mata pelajaran Seni Lukis) Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
- ii) Berpengalaman di dalam institusi penerbitan dan penuh giat dalam kerja-kerja yang berkaitan tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- i) Lulus mata pelajaran Bahasa Melayu/Kesusasteraan Melayu di Peringkat Lanjutan dan tiga mata pelajaran Peringkat Biasa (tidak termasuk mata pelajaran Seni Lukis) Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
- ii) Berpengalaman dalam penulisan kreatif sastra serta esai sastra dan kebudayaan dan dapat menunjukkan karya-karya yang sudah diterbitkan tidak kurang dari 5 tahun.

- b) Dapat membaca dan menulis jawi dengan baik.

6) PEGAWAI PENERBITAN:

(Bilangan Kod: 056 15-961)

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji: C. 2 EB. 3 — \$1450-\$2270 sebulan.

Kelayakan:

- a) Diploma dalam bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan sebanding dengan Higher National Certificate (HNC).

ATAU

- i) Satu (i) mata pelajaran Peringkat Lanjutan dan 3 mata pelajaran (termasuk Bahasa Melayu) Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
- ii) Berpengalaman dalam mengurus dan menyelenggarakan kerja-kerja penerbitan buku dan majalah tidak kurang dari 5 tahun.

- b) Mempunyai bakat dan kecenderungan yang luas dalam pengelolaan penerbitan buku dan majalah.
- c) Boleh membaca dan menulis jawi dengan baik.

7) PENOLONG PENJADUAL:

(Bilangan Kod: 094 08-321)

(Di Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji: C. 1 EB. 2 — \$1280-\$1930 sebulan.

Kelayakan:

- i) Ordinary National Diploma (OND) dalam Computer Studies atau kelulusan yang sebanding dalam Penjadualan (Programming) serta mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja Pembantu Penjadual tidak kurang dari (1) satu tahun.

ATAU

- ii) Dua mata pelajaran Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran serta mempunyai 2 tahun pengalaman dalam kerja-kerja penjadualan (programming).

ATAU

- iii) Lulus 4 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran serta mempunyai 5 tahun pengalaman dalam kerja-kerja penjadualan (programming).
- iv) Sedang berkhidmat sebagai pelatih Penjadual yang telah menamatkan tempoh latihannya.
- b) Semua calon-calon dikehendaki mengambil satu ujian kelayakan dan mereka mestilah lulus ujian ini sebelum dipertimbangkan untuk jawatan berkenaan.

Tugas-tugas:

Untuk membantu penjadual dalam membuat program jadual.

8) PENOLONG JURUTEKNIK PEMELIHARAAN:

(Bilangan Kod: 009 03-494)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji: C. 2-3 EB. 4 — \$1450-\$2620 sebulan.

Kelayakan:

- a) Sijil Tertinggi BTEC dalam bidang elektronik Telekom atau Sijil Penuh Teknologi dalam bidang Telekom atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya melalui kursus-kursus elektronik, elektrik atau komunikasi.

ATAU

- b) i) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Juruteknik Pemeliharaan Rendah atau jawatan yang sebanding dengannya tidak kurang dari 3 tahun.
- ii) Lulus sekurang-kurangnya tahun ketiga BTEC Elektronik atau City and Guilds 824 Radio TV Electronic Servicing Course bagi tahun kedua boleh juga dipertimbangkan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Penolong Juruteknik Pemeliharaan adalah merupakan sebahagian daripada kumpulan yang secara berkumpulan adalah bertanggungjawab kepada seorang Juruteknik Pemeliharaan Kanan atau Juruteknik Pemeliharaan bagi membantu tugas-tugas membaiki dan merawat kelengkapan di kawasan-kawasan tertentu radio dan televisyen.

Am:

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa kehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Sesorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 28 Februari, 1987.

(E/937/72)

Bilangan Pendaftaran: 155/1986

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin, 2 Februari, 1987 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:

TAWARAN BIL. 1/1987

GALVANISED CONTINUOUS BUTT WELDED STEEL PIPE TO BSS 1387/1967, CLASS MEDIUM, SCREWED AND SOCKETED ENDS, IN STANDARD LENGTH OF 20 FEET WITH THREAD TO BSPT, AND PROTECTED AGAINST DAMAGED

- | | |
|---------------------------|-----------------|
| (a) Size: 1" Diameter | — 2,000 Lengths |
| (b) Size: 1 1/2" Diameter | — 600 " |
| (c) Size: 2" Diameter | — 6,000 " |
| (d) Size: 3" Diameter | — 2,000 " |

TAWARAN BIL. 2/1987

- | | |
|--|------------|
| (a) Tyre 9.00 x 20 14 Ply Y98 Yokohama or Equivalent | — 250 Nos. |
| (b) Tyre 9.00 x 20 14 Ply Y20 Yokohama or Equivalent | — 300 " |

TAWARAN BIL. 3/1987

MELAMINE WARE

- | | |
|---|---------------|
| 1. Cup, Capacity: 8 ozs. Colour: 1704/White | — 25,000 Nos. |
| 2. Saucer 6" Colour: 1106A/White | — 25,000 Nos. |

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperoleh dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 34, Jalan Gadong semasa waktu bekerja.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

SEBAGAI PENYELANGGARA STOR TINGKAT II

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PENYELENGGARA STOR TINGKAT II di Jabatan Jabatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam yang berikut:

A. DI JABATAN KEBAJIKAN BELIA DAN SUKAN, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN (Bilangan Kod: 098 39-142)

B. DI JABATAN UKUR, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN (Bilangan Kod: 094 39-142)

Tanggagaji: D.2 EB.3-4 — \$650-\$1465 sebulan.

Kelayakan:

a) i) Lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengan-nya.

ATAU
ii) Penyelenggara Stor Tingkat III yang telah ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat dalam jawatan ini sekurang-kurangnya selama 5 tahun dan mempunyai Laporan Prestasi Kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan.

b) Berpengetahuan dan berpengalaman dalam bidang Ilmu Simpan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab dan dalam Penyelenggaraan Stor dan Pembelian alat-alat akan diberi keutamaan.

c) Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan: Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang berkenaan

dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah di-kembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 10 Februari, 1987.

Bilangan Pendaftaran:

164/1986.
(E/328/81)

Kursus di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pelajaran sedang membuka peluang kepada pemohon-pemohon yang berkecayaan bagi mengikuti berbagai-bagai kursus bagi pengambilan bulan Januari 1987 di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara.

Kursus-kursus yang ditawarkan itu termasuklah BTEC National Diploma Engineering (Electronics and Communication); BTEC National Certificate in Science; Brickwork Short Course; Plumbing Short Course; Carpentry Short Course; City and Guilds 834 Brickwork, Blocklaying and Concreting dan City and Guilds 165 Welding and Fabrication.

Borang permohonan dan keterangan lanjut boleh didapati dari sekarang daripada Pengetua Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal dan dikembalikan tidak lewat pada 20 Januari, 1987.

KURSUS

BTEC National Diploma Engineering (Electronics and Communication)

BTEC National Certificate in Science

Brickwork Short Course

Plumbing Short Course

Carpentry Short Course

City and Guilds 834 Brickwork, Blocklaying and concreting

City and Guilds 165 Welding and Fabrication.

SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

Sekurang-kurangnya tamat Tingkatan 5 dan mempunyai 4 mata pelajaran peringkat 'O' termasuk Mathematics, English, Science atau setaraf dengannya

TEMPOH KURSUS

2½ tahun

Sekurang-kurangnya tamat Tingkatan 5 dan mempunyai 2 mata pelajaran peringkat 'O' atau yang setaraf dengannya. Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai Mathematics, Sains dan boleh menguasai Bahasa Inggeris dengan baik

2½ tahun

Sekurang-kurangnya tamat Tingkatan 3

1½ tahun

Sekurang-kurangnya tamat Tingkatan 3

1½ tahun

Sekurang-kurangnya tamat Tingkatan 3

1½ tahun

Sekurang-kurangnya lulus BJCE. Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai kelulusan dalam mata pelajaran Mathematics dan Science

2½ tahun

— sda —

1½ tahun

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUASA WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SURAT KUASA PESAKA

No. 120/1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Tiah Eng Beng kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Lim Kim Tun @ Toon yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 3 Februari, 1987 jam 9.15 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 5 Januari, 1987.

No. 134/1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Lim Sam Yiew kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Yip Kuan yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak saudara kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 27 Januari, 1987 jam 9.30 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 30 Disember, 1986.

No. 229/1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Tiawa binti Apeng kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Kahar bin Laya yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 3 Februari, 1987 jam 10.45 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 5 Januari, 1987.

No. 236/1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Jerma binti Rantai @ Asmah binti Abdullah kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Abdul Kadir bin Abdullah @ Nyibong anak Bunya yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah

Bandar Seri Begawan pada 3 Februari, 1987 jam 10.30 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 3 Januari, 1987.

TEMB/2/1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dy Alifiah binti Abdullah @ Gading Anak Labang kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Baji Anak Ngindang @ Mohd Basri bin Abdullah yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 3 Februari, 1987 jam 9.30 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 23 Disember, 1986.

No. 128/1986

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Bujang bin Yunus @ Daud bin Yunus ke-

rana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Yunus bin Yaman yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 27 Januari, 1987, jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 17 Disember, 1986.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

KEMENTERIAN KESIHATAN

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 2 Februari, 1987 untuk:

TWO YEARS PLUMBING MAINTENANCE AND REPAIR SERVICE, MEDICAL AND HEALTH DEPARTMENT, MINISTER OF HEALTH.

2. Cagaran tawaran: \$200.00.

3. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Bahagian Akaun, Ibu Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam semasa waktu pejabat.

4. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikem-

balikan kepada setiap pemohon yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bonafide tender).

5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti pemohon, ditulis pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat tersebut dengan perkara tawaran yang berkenaan dan tarikh tutup tawaran, dan ditujukan kepada:

Pengerusi, Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

PUSAT PERHENTIAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Limau Manis	14.1.1987	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Pengkalau Batu	14.1.1987	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Masin	14.1.1987	Rabu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Kupang	14.1.1987	Rabu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah Pantai Berakas	15.1.1987	Khamis	9.00-10.00 pagi
Padang Kawat Berakas Garison	15.1.1987	Khamis	10.05-11.05 "
Sekolah Rendah Jerudong	17.1.1987	Sabtu	8.30- 9.30 "
Pusat Tahanan Jerudong	17.1.1987	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Sengkurong	17.1.1987	Sabtu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Agama Sengkurong	17.1.1987	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah OKSB Kilanas	17.1.1987	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut	17.1.1987	Sabtu	4.30- 5.30 "
Kawasan Rumah Persatuan Kampong Tanah Jambu	18.1.1987	Ahad	9.00-10.00 pagi
Kampong Perpindahan Serasa	18.1.1987	Ahad	10.15-11.15 "
Di Hadapan Kedai Muara	18.1.1987	Ahad	11.30-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Lumapas	19.1.1987	Isnin	9.30-10.30 pagi
Sekolah Rendah Junjungan	19.1.1987	Isnin	9.00-10.00 "
Sekolah Rendah Panchor Murai	19.1.1987	Isnin	10.15-11.15 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah)	19.1.1987	Isnin	2.00- 3.00 petang
Sekolah Agama Kampong Perpindahan Berakas	19.1.1987	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Rendah OKBI Subok	20.1.1987	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak	20.1.1987	Selasa	10.30-11.30 "

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dielawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. TRADESMAN TINGKAT I

(Bilangan Kod: 025 03-995)

(Di Pejabat Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

Tanggagaji: E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan:

- a) i) Sijil City and Guilds in Basic Engineering atau sebanding dengannya.

ATAU

- ii) Berpengalaman bekerja dalam Perkhidmatan Kerajaan atau swasta sebagai Mekanik atau Tradesman tidak kurang dari 3 tahun.
- b) Pengalaman praktikal membaiki kenderaan seperti Wheel Loader, Truck dan lain-lain lagi, termasuk mesin-mesin rumput dan motor sangkut merupakan satu kelebihan.

2. PENYELENGGARA STOR TINGKAT III

(Bilangan Kod: 022 39-143)

(Di Jabatan Kastam dan Eksais, Kementerian Kewangan)

Tanggagaji: E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan:

- a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun

- b) i) Lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU

- ii) Storman Tingkat I yang telah ditetapkan dalam jawatan atau Penyelenggara Stor yang bergaji hari yang telah berkhidmat selama 5 tahun dan mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan boleh juga dipertimbangkan.

- c) Berpengalaman dan kebolehan dalam Ilmu Simpan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab akan diberi keutamaan.

- d) Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan

mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 16 Februari, 1987.

Bilangan Pendaftaran: 166/1986

(E/179/75)

Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN adalah di-
pelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMANDU OUTBOARD TINGKAT II

(Bilangan Kod: 094 98-164)

(Di Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji: F. 2-3-4 EB. 5 — \$495-\$700 sebulan.

Kelayakan:

- a) Berumur di antara 20 hingga 45 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

- b) Mempunyai tubuh badan yang sihat, mempunyai pengetahuan yang baik dan lulus peperiksaan mata. Mestilah pandai berenang.

- c) Berpengalaman sebagai Pemandu Motor Sangkut sekurang-kurangnya 2 tahun dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

- d) Mengetahui selok-belok sungai-sungai di negara ini adalah merupakan satu kelebihan serta berpengalaman dalam memberikan

bantuan kecemasan adalah merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan, keselamatan dan pemeliharaan harian ke atas motor sangkut dan perahu.

2. BURUH

(Bilangan Kod: 062 99-910)

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan)

Tanggagaji: F. 1-2 EB. 3 — \$445-\$590 sebulan.

Kelayakan:

- a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.

- b) Tahu membaca dan menulis.

- c) Berpengalaman dalam kerja-kerja hutang adalah satu kelebihan.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa Catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 12 Februari, 1987.

Bilangan Pendaftaran: 165/1986.

(E/638/63)

Juruteknik Kapal Tingkat I

PERMOHONAN adalah di-
pelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai JURUTEKNIK KAPAL TINGKAT I di Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Kod: 036 03-595

Tanggagaji: D. 2 EB. 3 — \$630-\$1125 sebulan.

Kelayakan:

- a) Sijil kecikapan sebagai Pemandu Enjin Motor Kelas 2.

- b) Berpengalaman sebagai Juruteknik Tingkat II sekurang-kurangnya 2 tahun.

- c) Boleh mengawasi dan menjalankan pemeliharaan serta pembaikan ke atas enjin enjin diesel (marine) yang bertena hingga 500 kuasa kuda (bHP).

- d) Berkebolehan untuk menulis laporan-laporan, menyedikan senarai-senarai kerosakan di bilik enjin dan sebagainya.

- e) Kebolehan untuk bekerja sebagai seorang ahli dalam satu pasukan adalah sangat mustahak.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- a) Membantu Juruteknik Kapal Tingkat Khas ke atas pemeliharaan dan perajanaan serta pembaikan jentera dan alat-alat yang lain di Bahagian Perikanan Laut, Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan.

- b) Menjalankan tugas-tugas lain yang bersangkut-paut dengan kegiatan-kegiatan Bahagian Perikanan Laut.

Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan siji-siji kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 18 Februari, 1987.

(Bilangan Pendaftaran: 167/1986).

(E/2179/85)

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari hari Isnin 26 Januari, 1987 jam 12.00 tengah hari bagi perkara berikut:—

Bil. Tawaran	Keterangan	Wang Cagaran
DMS/1/1987	To Supply, Deliver, Install and Commission Ophthalmological Equipments	\$200.00
DMS/2/1987	To Supply and Deliver Bleep (Pager) System	\$200.00
DMS/3/1987	To Supply, Deliver and Commission Dispensing Machines	\$200.00
DMS/4/1987	To Supply, Deliver, Install and Commission Mobile Electric Powered Elevating Work Platform	\$100.00
DMS/5/1987	To Supply, Deliver, Install and Commission Micro-Computer C/W Hard and Floppy Disc Drivers	\$100.00
DMS/6/1987	To Supply, Deliver and Commission Patient Weighing Scales	\$100.00

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperoleh daripada Bahagian Akaun, Ibu Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.

4. Semua tawaran hendaklah dihantar dalam stempel surat tertutup dan ditulis dengan bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada:

Pengerusi
Lembaga Tawaran
Kementerian Kewangan
Tingkat 4,
Jalan James Pearce
Bandar Seri Begawan

5. Cagaran bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan wang tunai sahaja.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang lebih rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah ini bermula pada 7 Januari, 1987.

BANDAR SERI BEGAWAN

1) PUSU KERING 1 kati \$5.50.

- a) Kedai Kim Seng Choon
6 Jalan McArthur.

- b) Kedai Liong Chuan
Jalan McArthur.

2) BAWANG MERAH 1 kati \$1.20.

- a) Kedai Chop Ken Ken
B2 Jalan Robert.

3) KACANG HIJAU 1 kati 80 sen.

- a) Kedai Kim Seng Choon
6 Jalan McArthur.

4) GARAM HALUS (Cap Buaya) 6 bungkus \$1.00.

- a) Kedai Syarikat Haji Abd Rahman
94, Jalan Pemancha.

- b) Kedai Thye Seng Dept. Store
B1, Jalan Robert.

KUALA BELAIT

1) PUSU KERING 1 kati \$6.50.

- a) Kedai Chop Haw Min
Chinese Chamber of Commerce.

- b) Kedai Chang Seng Hong
No. 103 Jalan McKerron.

2) BAWANG MERAH 1 kati \$1.80.

- a) Kedai Yick Guan
3, Jalan Pretty.

- b) Kedai Chang Seng Hong
No. 103 Jalan McKerron.

3) KACANG HIJAU 1 kati \$1.00.

- a) Kedai Teo Hiang Hng
45 Jalan Pretty.

- b) Kedai Chop Yee Seng
46, Jalan Pretty.

4) GARAM HALUS (Cap Buaya) 5 bungkus \$1.00.

- a) Kedai Eng Soon Seng
58, Jalan Pretty.

- b) Chop Ham Min,
Chinese Chamber of Commerce.

SERIA

1) PUSU KERING 1 kati \$6.50.

- a) Kedai Foo Hap Shing
20, Jalan Sultan Omarali.

- b) Kedai Chop Nam Wah
64, Jalan Bunga Kenanga.

2) BAWANG MERAH 1 kati \$1.80.

- a) Kedai Hui Guan
48, Jalan Bunga Kuning.

- b) Kedai Yick Fatt
Lot 2660,
Jalan Sultan Omarali.

4) GARAM HALUS (Cap Buaya) 5 bungkus \$1.00.

- a) Kedai Yick Fatt
Lot 2660,
Jalan Sultan Omarali.

3) KACANG HIJAU 1 kati \$1.00.

- a) Kedai Yuan Ho Hing
49, Jalan Bunga Kuning.

- b) Kedai Haji C. A. Muhamad
51, Jalan Bunga Kuning.

Kegiatan sukan di sana sini

Kejohanan bulu tangkis wanita remaja '87

JABATAN Kebajikan, Belia dan Sukan akan menganjurkan kejohanan bulu tangkis wanita remaja 1987 sempena hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-40 tahun.

Kejohanan itu adalah bagi merebut 'Piala Pengiran Isteri' kurnia Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam.

Penyertaan terbuka kepada pemain-pemain wanita yang lahir pada atau selepas 1 Januari 1967 dan terbuka kepada sekolah-sekolah dan maktab-maktab, universiti, persatuan-persatuan belia dan kebajikan serta badan sukarela di seluruh negara.

Borang dan keterangan lanjut boleh didapati sekarang dari Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan di Lapangan Terbang Lama Berakas. Tarikh tutup ialah pada 26 Januari 1986.

PESTABARU anjur kejohanan sepak takraw

PERSATUAN Sepak Takraw Brunei Darussalam (PESTABARU) akan menganjurkan Kejohanan Sepak Takraw II antara regu bagi merebut piala sumbangan Iz-dihar Enterprise.

Kejohanan tersebut terbuka kepada jabatan-jabatan Kerajaan, sekolah-sekolah, persatuan-persatuan belia dan kebajikan serta syarikat-syarikat swasta di seluruh negara.

Bayaran masuk bertanding ialah \$10.00. Borang-borang dan keterangan lanjut boleh didapati dari Awang Zaini Haji Abd. Hamid, Jabatan Imigresen; Awang Haji Pulau Serudin Jabatan Elektrik dan Awang Ibrahim bin Amit, Jabatan Kerja Raya kesemuanya di Daerah Brunei dan Muara; Awang Sulaiman bin Udin, Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Daerah Belait; Awang Mohd. Salleh bin Haji Abd. Manaf, 22, Kampong Lubok Pulau, Daerah Tutong dan Pengiran Mohd. Salleh Pg. Kamaluddin, Pejabat Daerah Temburong.

Tarikh menghantar borang tidak lewat dari 20 Januari 1987.

40 sertai perlawanan gasing persahabatan

PERLAWANAN gasing persahabatan antara Kampong Bebatek/Mulaut dan Kampong Menengah Bukit Sulang telah dilangsungkan pada hari Ahad 4 Januari lepas bertempat di Kampong Bebatek di Daerah Brunei dan Muara.

Sejumlah 40 orang peserta dari setiap pasukan telah mengambil bahagian dalam perlawanan itu.

Menurut jurucakap pihak penganjur perlawanan itu diadakan sempena menyambut Tahun Baru 1987 dan ianya dianjurkan oleh Persatuan Bebatek/Mulaut.

Jabatan Kastam dan Eksais juara bola sepak

JABATAN Kastam dan Eksais Diraja Brunei telah muncul sebagai juara dalam perlawanan bola sepak antara Kementerian Kewangan.

Dalam perlawanan akhir yang telah berlangsung di Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Gadong, Pasukan Kastam dan Eksais Diraja Brunei telah menumpaskan pasukan Kementerian Kewangan dengan jaringan 3-0.

Perlawanan itu dianjurkan oleh Badan Kebajikan, Keugamaan, Sosial dan Sukan Unit Perancang Ekonomi.

Kejohanan olahraga antara cawangan Tentera Udara

KEJOHANAN olahraga antara cawangan Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah berlangsung selama dua hari di Berakas Garrison minggu lalu.

Lebih 20 acara lorong dan padang termasuk acara keluarga telah dipertandingkan di kejohanan itu.

Hadiah-hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh Dato Seri Laila Jasa Leftenan Kolonel Jocklin Kong Paw, Pegawai Pemerintah Tentera Udara.

Mutu permainan sepak takraw negara terus dipertingkatkan

MUTU dan prestasi permainan sepak takraw di negara ini terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Berbagai-bagai pihak baik dari pihak Kerajaan mahupun badan sukan di negara ini terus mengadakan bermacam-macam perlawanan demi untuk mengemban majukan sukan sepak takraw yang menjadi permainan tradisi di negara kita.

Dengan cara ini kita akan dapat sekaligus meningkatkan mutu permainan pemain-pemain sepak takraw negara. Dan yang penting lagi kita akan dapat melahirkan pemain-pemain muda yang berpotensi untuk dijadikan sebagai pemain kebangsaan yang akan dapat beraksi mewakili negara di peringkat antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, baru-baru ini, Persatuan Sepak Takraw Negara Brunei Darussalam atau ringkasnya PESTABARU telah mengadakan Kejohanan Sepak Takraw.

Menurut jurucakap persatuan itu, kejohanan sedemikian adalah dihasratkan dan bertujuan untuk meningkatkan permainan sepak takraw di negara ini di samping untuk memilih pemain-pemain bagi skuad sepak takraw kebangsaan.

"Apa yang kita hasratkan dari kejohanan ini dapat melahirkan pemain-pemain muda yang berpotensi bagi diserapkan sebagai pemain kebangsaan," menurut jurucakap itu lagi.

"Dengan adanya pemain-pemain baru sekurang-kurangnya akan dapat menggantikan pemain-pemain lama yang sudah agak lama berkecimpung di arena tersebut dalam mengharumkan nama negara kita di peringkat antarabangsa.

Walau bagaimanapun katanya lagi, kita mengakui bahawa mutu permainan pemain-pemain kita sudah meningkat jika dibandingkan di tahun-tahun

yang lalu dan kita percaya bahawa kita berupaya menandingi mutu permainan negara-negara jiran seperti Thailand, Malaysia dan Singapura yang mempunyai corak permainan yang agak tinggi dan begitu mengagumkan.

Perlawanan akhir Kejohanan Sepak Takraw telah dilangsungkan pada 4 Januari yang lalu bertempat di Pusat Belia di ibu negara.

Pertarungan peringkat akhir pada malam itu ialah di antara Pasukan PERKASA "A" bertemu dengan Persatuan Pemuda-Pemudi Kampong Sultan Lama (PAPP).

Seperti yang diramalkan di awal-awal lagi, pasukan PERKASA yang telah sedia kita ketahui mempunyai banyak pemain kebangsaan

terus menunjukkan mutu permainan yang baik dengan mudah menewaskan pasukan PAPP dengan tiga permainan tidak berbalas.

Sejumlah lapan buah pasukan telah menyertai kejohanan itu.

Pemangku Timbalan Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Awang Abd. Rahman bin Haji Mohiddin telah menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang di akhir kejohanan tersebut.



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim

BELIA & SUKAN



PEMANGKU Timbalan Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Awang Abd. Rahman bin Haji Mohiddin menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemain PERKASA "A" yang menjadi juara (atas). Sementara gambar bawah merakamkan ketika perlawanan akhir dijalankan antara Pasukan "PERKASA A" bertemu PAPP. PERKASA menang 3-0 — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.



Majlis perjumpaan pemimpin-pemimpin belia

SATU majlis perjumpaan pemimpin-pemimpin belia di Daerah Tutong dengan ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Belia-Belia Negara (MBB) akan diadakan pada 18 Januari depan.

Majlis yang diselenggarakan dengan majlis dialog akan berlangsung di Dewan Kemasyarakatan, Tutong bermula jam 2.00 petang.

Menurut Yang Dipertua Majlis

Belia-Belia Daerah Tutong, Awang Haji Junaidi bin OKSN Haji Mohd. Safar seramai 200 orang belia yang terdiri dari persatuan-persatuan belia dan kebajikan dan penghulu-penghulu dan ketua kampung akan menghadiri majlis tersebut.

Dalam hubungan ini, Awang Haji Junaidi berharap supaya setiap persatuan akan dapat menghantar tujuh orang wakil.

Wanita Singapura didenda kerana rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mahkamah Majistret di sini telah mendakwa seorang wanita Singapura, Cheng Hung Buay berumur 35 tahun kerana dengan secara tidak jujur telah memberikan \$100.00 kepada seorang pegawai polis sebagai satu ganjaran kepada pegawai polis berkenaan untuk tidak mengambil apa-apa tindakan berhubung dengan kemasukan secara haram ke negara ini.

Cheng Hung Buay mengaku bersalah di atas kesalahan di bawah Bab 6 (b) dari Akta Pencegahan Rasuah.

Penangkapan Cheng

dilakukan di Pos Kawalan Imigresen Dermaga, Bandar Seri Begawan pada 24 Disember 1986 jam 6.30 pagi ketika dia hendak balik ke Limbang. Pegawai polis tersebut mendapati di dalam pasportnya tidak ada terdapat catatan tentang kemasukan ke Negara Brunei Darussalam. Cheng dengan perasaan cemas cuba untuk mengelakkan dari ditangkap dan telah memberikan rasuah sebanyak \$100.00 kepada pegawai polis tersebut.

Cheng Hung Buay telah dikenakan denda sebanyak \$2,000.00 atau jika gagal empat bulan penjara. Cheng Hung Buay telah membayar denda tersebut.



PADA awal minggu ini cuaca dijangka baik tetapi menjelang hujung minggu keadaan akan menjadi redup di mana hujan sekejap-sekejap akan berlaku di kawasan-kawasan pantai pada awal pagi dan ribut petir di pedalaman pada waktu malam.

Orang ramai diseru berikan sokongan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Md. Ali, menyeru orang ramai memberikan sokongan dan bantuan kepada PERTIWI bagi menjayakan usaha kebajikan membina bangunan Taman Asuhan PERTIWI.

Bercakap merasmikan Pesta Jualan PERTIWI di Dewan Perpustakaan Pusat Belia di sini 9 Januari lepas, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Md. Ali telah memuji usaha kebajikan persatuan dalam memberikan khidmat kepada masyarakat.

Sebanyak 49 buah gerai disediakan bagi menjual berbagai jenis jualan daripada peniaga-peniaga dalam dan luar negeri seperti Thailand, Indonesia dan Pakistan.

Datin Hajjah Jusnani, Pengerusi majlis itu menjelaskan, pesta jualan itu bertujuan untuk mengumpulkan kewangan bagi projek pembinaan sebuah bangunan Taman Asuhan PERTIWI yang telah dikendalikan oleh persatuan itu sejak tahun 1972.

Menurut Datin Hajjah Jusnani Taman Asuhan PERTIWI yang ada pada masa ini di tempatkan di bangunan Rumah Kerajaan dengan sewa yang sederhana dengan hasrat untuk membantu mereka yang berpendapatan rendah supaya dapat menikmati suasana persekolahan Tadika.

Di samping itu membantu mengasuh dan mendidik

Oleh: Haniza Abdullah

anak-anak kecil ibu yang bekerja dan tidak mempunyai orang gaji sepenuh masa.

"Hasrat untuk membina bangunan sendiri itu telah lama timbul," katanya, ke arah itulah Persatuan PERTIWI telah mengadakan berbagai projek untuk mengumpul kewangan seperti mengadakan jualan kuih-muih di bulan puasa, berjualan lauk-pauk di tahun baru Cina, pesta jualan seperti yang sedang berjalan ketika ini dan seumpamanya.

Pesta jualan itu dibuka kepada orang ramai dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam selama seminggu berakhir pada 15 Januari esok.



YANG MULIA DATO PADUKA AWANG HAJI MOHD. ALI, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan memotong pita merasmikan Pesta Jualan PERTIWI. — Gambar oleh Harun Rashid.



MENTERI PERHUBUNGAN, YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAHA WIJAYA DATO SRI SELIA HAJI AWANG ABDUL AZIZ ketika merasmikan Mesyuarat Majlis Keselamatan Jalan Raya di Pusat Dakwah Islamiah Khamis lepas. — Gambar oleh Haji Shabiri Taha.

Kecuaian punca kemalangan

Dari muka 1

"Dengan kedudukan ini," jelas Yang Berhormat Pehin, "adalah diperkirakan kemalangan-kemalangan jalan raya yang menjadikan antara sebab utama kematian-kematian yang berlaku di Negara Brunei Darussalam ini."

Dari sumber-sumber berkenaan, kata Yang Berhormat, perkara-perkara yang menyebabkan kemalangan itu pada dasarnya ialah kecuaihan dan perasaan yang tidak bertimbang rasa di kalangan pemandu-pemandu kereta.

"Kiranya kecuaihan-kecuaihan dan perasaan yang tidak bertimbang rasa itu dapat dihalusi berasaskan undang-undang timbang rasa peraturan jalan raya yang sedia ada, dengan izin Allah, tentulah usaha-usaha untuk "menyedikitkan" bilangan kemalangan jalan raya akan dapat dicapai," tegas Yang Berhormat Pehin.

KEISKI-ISKIAN

Yang Berhormat Pehin juga menjelaskan bahawa terdapat pemandu-pemandu yang menunjukkan kebaruan atau perasaan 'keiski-iskian', dengan sendirinya telah melanggar peraturan-peraturan jalan raya, dan yang demikian mendedahkan kedudukan dirinya serta pengguna-pengguna jalan raya lain kepada bahaya-bahaya yang dikhuatirkan.

Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat Pehin berharap Majlis Keselamatan Jalan Raya melalui usaha-usahanya akan dapat mengatur program-program yang secukupnya dengan keupayaan kita dengan tujuan untuk mengatasi masalah-masalah yang masih boleh diusahakan itu.

Yang Berhormat Pehin kemudiannya memberi penghargaan kepada semua anggota masyarakat yang mematuhi syarat-syarat dan undang-undang jalan raya termasuk mematuhi peraturan-peraturan

menghindarkan pemakaian-pakaian alat-alat yang menimbulkan bahaya keselamatan jalan raya seperti

brek-brek yang rosak, muatan yang berlebihan, saiz roda yang besar, dan lain-lain perhiasan yang bahaya.

Ahli gimnastik Denmark adakan pertunjukan di sini

SEROMBONGAN 35 orang ahli gimnastik dari Denmark akan mengadakan pertunjukan gimnastik di sini di Daerah Brunei dan Muara pertunjukan akan diadakan pada 20 Januari bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah bermula jam 5.00 petang. Sementara bagi Daerah Belait ianya akan diadakan di Padang Bandar (KBRC) pada 21 Januari bermula jam 5.45 petang.

Orang ramai terutama sekali penuntut sekolah adalah dijemput untuk menyaksikan pertunjukan yang julung-julung kali diadakan di negara ini.

Sambungan dari muka 8

Bagaimana Belia Melibatkan Diri

Bagi mencapai matlamat-matlamat Rancangan Kemajuan Negara Ke-5 antara haluan dasar yang ada hubungkaitnya dengan sumber tenaga manusia ialah untuk:

- Melaksanakan dasar pekerjaan yang bersesuaian dalam sektor kerajaan.
- Mempercepatkan kemajuan sumber-sumber tenaga manusia terutamanya dalam bidang pelajaran peringkat tinggi, teknikal dan vokasional.
- Mewujudkan penglibatan tegas dalam memperbaiki keadaan-keadaan asas dan juga penyertaan kerajaan serta swasta bagi memajukan perusahaan-perusahaan baru, termasuk memajukan kemahiran usahawan-usahawan rakyat Melayu.

Sebanyak \$3.7 billion telah pun diperuntukkan dalam berbagai sektor bagi mencapai matlamat-matlamat Rancangan Kemajuan Negara ini. Perusahaan dan perdagangan mendapat peruntukkan sebanyak 10% dari jumlah peruntukkan. Pengangkutan dan Perhubungan 20% perkhidmatan-perkhidmatan sosial 29% sektor kegunaan awam sebanyak 20%.

Antara langkah-langkah tertentu ialah perumusan program-program bagi memajukan peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan rakyat Melayu, pengkajian semula dasar gunatena kerajaan untuk memberikan galakkan-galakkan bagi kemajuan sektor swasta, mengadakan Skim Latihan Kebangsaan yang melibatkan kerajaan, majikan-majikan dan pekerja-pekerja untuk membolehkan penggunaan tenaga manusia tempatan dengan sepenuhnya. Di samping itu sistem pendidikan formal akan dipertingkatkan dengan pertubuhan Institusi Pendidikan Tinggi seperti UBD dan ITB.

Kesimpulan

Rancangan Kemajuan Negara dibentuk dengan tujuan untuk memperkukuhkan lagi

kemajuan sosio-ekonomi negara. Untuk mencapai matlamat-matlamat ini haluan dasar dan strategi disusun dengan peruntukkannya sekali. Matlamat, Haluan Dasar dan Strategi tadi tidak semestinya "rigid" kerana faktor masa, teknologi yang sentiasa bertukar sumber kewangan (dana) dan sebagainya. Juga penting ialah kejayaan atau pencapaian matlamat satu-satu Rancangan Kemajuan Negara itu tergantung bukan sahaja kepada penyertaan semata-mata malah penggunaan sepenuhnya dan sebaik-baiknya tenaga rakyat, terutama para belia, negara itu sendiri.

Keciciran tenaga dari segi ketidaksesuaian penggunaannya dan akibat pengangguran akan merugikan masyarakat dan negara dan mengakibatkan kehilangan pendapatan negara yang sepatutnya diperolehi dari penglibatan tadi di samping timbulnya gejala-gejala sosial.

Melalui projek-projek yang telah disusun terutama di bidang perdagangan, pertanian dan perindustrian para belia boleh memperingkatkan lagi usaha ke arah penglibatan secara positif di dalam bidang ekonomi.

Dari muka 9

upaya mencari keputusan yang dikira lebih hampir kepada keadilan dan ianya boleh dianggap lebih baik di sisi Allah. Jangan tunduk kepada perasaan marah atau bimbang dan jangan pula hilang kesabaran kerana perbuatan orang-orang yang dibicarakan di hadapannya.

Akhirnya kita mengingatkan kepada hadis yang diriwayatkan dari Amr bin Al-As bahawa Nabi Muhammad (s.a.w.) telah bersabda, "Apabila seorang hakim membuat keputusan setelah berusaha seberapa dayanya dan keputusan itu betul ia mendapat dua pahala, dan apabila ia membuat keputusan setelah berusaha seberapa dayanya dan ia tersilap, ia mendapat satu pahala."